

قَتِيْقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

“SEBAGAI peneraju masa depan, golongan belia kita tidaklah boleh menampilkan sikap serta imej yang tidak serasi dengan 'calak bangsa'.”
- Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada 7 Rejab 1427 Hijriah / 1 Ogos 2006 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“IKUTLAH wahai manusia apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu mengikut pemimpin-pemimpin selainnya. Sedikit benar kamu mengambil peringatan.”
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al A'raaf ayat 3).

TAHUN 59 / BILANGAN 30

10 MAC 2014 / 1435 جمادى الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Berkenan berangkat menziarahi jenazah



Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Penggawa Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Abbas Al-Sufri bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim di Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Allahyarham Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Penggawa Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Abbas Al-Sufri telah kembali ke rahmatullah pada hari Sabtu, 8 Mac 2014 ketika berusia 87 tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Allahyarham Yang Berhormat di lahirkan pada 16 Julai 1926 dan merupakan ahli Majlis Mesyuarat Diraja sejak tahun 1972 selain menjadi lain-lain ahli Jawatankuasa Rasmi.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Penggawa Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Abbas Al-Sufri bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim di Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

PPPBD sokong usaha Kerajaan tingkatkan pembelajaran belia

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Mac. - Sebagai sebuah organisasi yang majoriti ahlinya terdiri daripada kalangan penuntut-penuntut dan guru-guru berkemahiran, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mempunyai peranan penting dalam memberikan sokongan padu kepada usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan tahap pembelajaran generasi muda negara ini.

Bersabda demikian sempena Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia 2014 PPPBD, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Yang Di-Pertua PPPBD melahirkan harapan kegiatan-kegiatan yang dirancang oleh PPPBD akan juga menumpukan fokus kepada cara-cara untuk meninggikan tahap pencapaian pendidikan ahli-ahlinya yang masih bersekolah dan seterusnya meningkatkan keupayaan mereka untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Dalam sabda Yang Teramat Mulia juga menekankan tema sambutan tahun ini 'Education Opens Doors For All Girls and Boys' sangat bertepatan dengan dasar

pendidikan negara yang sememangnya bertujuan untuk menyediakan sistem pendidikan yang terbaik lagi berkesan di semua peringkat, melalui penyediaan pelbagai prasarana dan kemudahan pendidikan termasuk sekolah-sekolah, maktab-maktab dan institusi-institusi pendidikan tinggi serta tenaga pengajar yang berkemahiran.

Di samping penyediaan infrastruktur dan tenaga manusia yang diperlukan, sabda YTM, dasar pendidikan negara juga mewajibkan setiap ibu-bapa atau penjaga untuk memastikan bahawa anak-anak di bawah jagaan mereka hadir ke sekolah, selaras dengan kehendak peruntukan Undang-Undang Brunei, Penggal 211 yang digelar sebagai 'Compulsary Education Act'.

Ke muka 24



Laporan Khas

PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan Laporan Khas Sempena Majlis Mesyuarat Kedua Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara.

Berkenan menghantar perutusan simpati

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan simpati kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, berikutan dengan kehilangan kapal terbang Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines MH370 baru-baru ini.

Di dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, baginda menzahirkan perasaan amat dukacita di atas laporan kehilangan kapal terbang tersebut dan baginda berserta Kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar kesemua usaha mencari kapal terbang yang hilang berserta penumpang-penumpangannya akan berjaya.

Baginda dan rakyat Negara Brunei Darussalam berharap semoga Yang Amat Berhormat dan rakyat Malaysia terutama sekali keluarga-keluarga yang terlibat akan bersabar dan tabah.

Sementara itu, Kebawah DYMM juga berkenan menghantar titah perutusan simpati kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping berikutan dengan kehilangan pesawat Penerbangan Malaysia MH370 baru-baru ini.

Dalam perutusan baginda kepada Presiden Republik Rakyat China, baginda sangat bimbang mendengar mengenai kejadian tersebut yang melibatkan warganegara Republik Rakyat China.

Baginda berserta dengan Kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam menghulurkan perasaan simpati yang amat mendalam serta ingatan dan doa bagi rakyat dan Kerajaan Republik Rakyat China, terutamanya kepada keluarga penumpang-penumpang yang terlibat dalam masa yang sukar ini.

Belia peneraju masa depan, kearah Generasi Berwawasan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita kehadrat Allah Subhanahu ata'ala jua kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita semua dapat berkumpul di Majlis penutup dan penyampaian Sijil program Belia Cinta Tanah Air Kali Ke-9, 2014 pada petang ini.

Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan di atas ingatan baik Jawatankuasa Kerja program Belia cinta Tanah Air Kali Ke-9, Jabatan Belia dan Sukan kerana telah menjemput saya hadir bersama di majlis yang penuh bermakna ini.

Kemerdekaan yang kita kecapi hari ini adalah nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ianya merupakan satu amanah yang perlu kita tanai dan hargai dengan sebaik-sebaiknya. Erti kemerdekaan ini hendaklah kita hayati di dalam hati sanubari kerana kita adalah pewaris bangsa dan negara ini. Kita semua adalah peneraju bangsa hari ini dan esok. Ini bersesuaian dengan tema Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2014 iaitu 'Cenerasi Berwawasan'.

Siapakah yang dimaksudkan dengan Generasi Berwawasan itu? Generasi Berwawasan ini meliputi semua lapisan masyarakat dan semua peringkat generasi. Kita semua perlulah menanamkan semangat dan kefahaman mengenai kepentingan peranan masing-masing ke arah mencapai matlamat wawasan negara. Apatah lagi, sebagai penerus kepada kepimpinan di masa hadapan maka generasi baru atau generasi



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, Majlis Penutup & Penyampaian Sijil, Program Belia Cinta Tanah Air Kali Ke 9, 2014, Anjuran Jabatan Belia Dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, Pada Hari Rabu, 27 Rabtulahir 1435h / 27 Februari 2014 di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

belia adalah lebih utama untuk memainkan peranan ini. Insya Allah, perpaduan dan integrasi di semua peringkat dan lapisan masyarakat dan generasi ini sudah tentunya akan dapat membuahkan hasil yang baik.

Program Belia Cinta Tanah Air yang dianjurkan pada kali ke-9 sempena sambutan

Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke-30 ini merupakan inisiatif berterusan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, melalui Jabatan Belia dan Sukan untuk menyemai semangat patriotisme di kalangan para belia melalui penganjuran aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Saya difahamkan sejak mulanya program ini pada tahun 2005, seramai 1,500 belia dan beliawanis telah menyertainya dan daripada maklum balas yang diterima daripada bekas peserta telah menampakkan perubahan positif di kalangan personaliti mereka masing-masing.

Melalui penyertaan dalam program ini, para belia telah diberikan pendedahan dan peluang untuk lebih menghayati dan menghargai erti sebuah kemerdekaan serta meningkatkan semangat kemerdekaan dan cinta kepada negara. Sudah tentunya, program ini membawa maknanya yang tersendiri bukan sahaja kepada negara bahkan yang lebih penting, kepada belia-belia dan semua pihak yang terlibat di dalam menjayakannya. Ia menuntut kepada pengorbanan masa dan tenaga dan tidak ketinggalan juga komitmen yang tinggi, disiplin, kecekalan mental dan fizikal dan rasa cinta yang amat mendalam terhadap tanah air yang tercinta ini. Inilah belia yang kita harapkan, belia yang berjiwa besar, yang cekal, yang bersemangat waja serta berani menentang apa jua cabaran yang mendatang. Syabas dan tahniah, saya ucapkan!

Program Belia Cinta Tanah Air ini amat bersesuaian dengan matlamat dan dasar belia negara ke arah memupuk dan mewujudkan belia yang dinamik, cergas, patriotik, berakhlak tinggi, mempunyai peri kemanusiaan dan berwawasan. Belia yang mempunyai nilai-nilai murni ini lah yang amat perlu bagi menjamin masa depan negara dan memastikan bahawa tanah air yang kita cintai ini akan terus berkembang dan mencapai kemajuan. Belia yang cinta kepada tanah airnya adalah belia harapan dan belia yang berwawasan. Rasa kecintaan dan semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara dan tanah air akan dapat menjadi benteng yang kukuh ke arah sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.

Negara Brunei Darussalam telah mencapai 30 tahun kemerdekaan dan baru-baru ini kita telah menyertai dalam Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan di mana para belia telah menunjukkan semangat patriotisme yang penuh membanggakan. Syabas dan tahniah kepada semua belia yang sama-sama menjayakan Sambutan Hari Kebangsaan! Teruskanlah semangat patriotisme ini dan tanamkan lagi tekad dan azam sebagai sebuah bangsa dan negara yang merdeka!

Dari Sidang
Pengarang.

10 MAC 2014 BERSAMAAN 1435 8 جمادى الأول

KENANGI JASA PASUKAN BOMBA DAN PENYELAMAT

ALHAMDULILLAH, negara kita mempunyai banyak pasukan-pasukan beruniform yang mempunyai pelbagai tugas dan tanggungjawab sebagaimana Jabatan Bomba Dan Penyelamat (JBP) yang dapat membantu atau memberikan pertolongan dalam menghadapi musibah tersebut dan mengurangkan beban yang dihadapi oleh mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian musibah dan seumpamanya.

Peranan dan tanggungjawab pasukan Bomba dan Penyelamat bukan setakat memadam kebakaran dan menyelamat, bahkan pasukan ini juga berperanan dalam memberikan perkhidmatan keselamatan kebakaran, penyiasatan kebakaran, memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang keselamatan kebakaran dan pengurusan bencana.

Pada tahun ini bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhannya Ke-54 Tahun, JBP telah merancang pelbagai kegiatan bagi berhasrat mengenang jasa baik perkhidmatan yang disumbangkan oleh warga jabatan itu selama 54 tahun. Sejak JBP ditubuhkan pada 9 Mac 1960, ianya terus berkembang dengan dibekalkan ramai pegawai dan anggotanya yang terlatih.

Sempena dengan Hari Ulang Tahunnya Ke-54 tahun pada tahun ini pelbagai acara telah disusun yang berbentuk keagamaan, kebajikan, latihan kemahiran dan perbarisan bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Ulang Tahun JBP kali ini.

Dalam Majlis Penyerahan Poster Sempena Hari Ulang Tahun JBP Ke-54 Tahun, 2014 yang berlangsung di Mess Pegawai, Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, baru-baru ini pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama Jabatan Penerangan telah menerbitkan dan mengedarkan poster-poster bersempena Hari Ulang Tahun JBP Ke-54 kepada masyarakat awam agar mereka akan peka terhadap aktiviti-aktiviti yang akan dikendalikan oleh JBP ini dalam masa terdekat.

Mengenai acara kemuncak bagi sambutan Hari Ulang Tahun JBP Ke-54 ialah Majlis Perbarisan Kawalan Kehormatan yang akan berlangsung pada 23 Mac 2014 Sementara itu demonstrasi atau persembahan yang berkonsepkan kerjasama dengan masyarakat yang melibatkan gabungan daripada Pasukan Kadet Bomba, Ahli Sukarelawan Bomba dan Fire Marshall daripada pihak swasta juga turut mengambil tempat acara tersebut.

Oleh kerana itu penglibatan masyarakat dari gabungan itu nanti akan menggambarkan bahawa masyarakat juga berperanan dalam sama-sama menjaga keselamatan, pencegahan kebakaran dan bertindak memadam kebakaran di peringkat awal ianya terjadi sebelum bantuan pihak bomba sampai atau tiba.

Namun begitu adalah diingatkan kepada masyarakat agar memberikan kerjasama dengan tidak menyalahgunakan talian kecemasan 995, kerana perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini akan menyusahkan petugas-petugas dibilik gerakan, bahkan akan boleh menyebabkan kelewatan bertindak jika terdapat panggilan yang sebenar.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mempunyai iman dan kesabaran dan menghadapi apa jua ujian dan dugaan dari Allah Subhanahu Wataala seperti kemalangan, banjir, tanah susur, kemarau panjang, kebakaran dan sebagainya. Sebagaimana dalam Surah Asy-Syura, ayat 30 tafsirnya:

"Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan atau bala bencana, maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa, dan dalam pada itu Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu".

Akhirnya sama-samalah kita bekerjasama dengan pasukan Bomba dan Penyelamat dalam mengelakkan dan menangani apa jua musibah dan bencana. Mudah-mudahan berkat usaha dan ikhtiar yang telah dilakukan seperti mengamalkan wirid, zikir dan doa tersebut, kita akan dilindungi oleh Allah Subhanahu Wataala dari sebarang bencana atau malapetaka dan memberkati kehidupan kita di dunia dan di akhirat. Amin Yarrabal Alamin. — **Ketua Penyuntingan. (Tr)**

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31°C	25°C	31°C
MUARA		
31°C	25°C	31°C
PEKAN BANGAR		
31°C	25°C	30°C
PEKAN TUTONG		
31°C	25°C	31°C
PEKAN SERIA		
31°C	25°C	31°C
KUALA BELAIT		
31°C	25°C	31°C
Wafahusalam Bessawab		
Sumber : Perkhidmatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam Jabatan Penerangan Awam Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114		

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentty Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahaniash Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Habor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrwan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

DPMM berkenan menerima mengadap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Souvanna Phouyavong (kiri) dan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam yang baru, Puan Yang Terutama Nurul Qomar (kanan), berlangsung di Qashr Al-Meezan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao

ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Souvanna Phouyavong yang akan menamatkan perkhidmatannya dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam yang baru, Puan Yang Terutama Nurul Qomar.

Mula-mula mengadap ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, TYT Souvanna Phouyavong.

TYT telah menyempurnakan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 22 April 2010.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudian berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam yang baru, PYT Nurul Qomar.

PYT telah menyempurnakan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Februari 2014.

Majlis Mengadap berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Berangkat ke Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia 2014 PPPBD



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) ketika berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia 2014 PPPBD di Ibu Pejabat persatuan berkenaan di Kampung Anggerek Desa.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia 2014 PPPBD di Ibu Pejabat persatuan berkenaan di Kampung Anggerek Desa.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah dijunjung oleh Naib-Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat dan Ahli-Ahli Majlis PPPBD.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP).

Pada majlis itu, Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani lembaran Hari Peringatan Sedunia 2014 PPPBD diikuti oleh YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul

Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di KHELNP.

YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah juga berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang beberapa pertandingan yang diadakan sempena Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia 2014 PPPBD.

Majlis petang tadi bermula dengan perarakan masuk ahli-ahli persatuan dengan membawa bendera negara dan bendera PPPBD.

Bacaan Surah Al Faatihah dan doa kesyukuran dibacakan oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani diikuti dengan Lagu Kebangsaan negara dan lagu-lagu persatuan.

Penolong Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin, selaku Pengerusi majlis dalam sembah alu-aluan antara lain menyentuh mengenai tema sambutan iaitu 'Education Opens Doors For All Girls and Boys' yang menurutnya sangat bertepatan dengan kepentingan pendidikan sebagai usaha untuk membangun modal insan sesebuah negara.

Acara tersebut merupakan kegiatan tahunan PPPBD dan Pengakap Puteri Sedunia yang disambut setiap 22 Februari yang antara lain bertujuan memperingati hari persahabatan dan mengumpul dana bagi kanak-kanak perempuan yang kurang berkemampuan di seluruh dunia.

Secara tidak langsung acara seumpamanya juga dapat mendidik para ahli untuk lebih peka terhadap keadaan sekeliling dan prihatin terhadap golongan masyarakat



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah, Yang Di-Pertua PPPBD berkenan menyaksikan salah satu permainan yang menguji minda para pemainnya.



YANG Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada ahli-ahli yang menyertai pertandingan yang diadakan sempena Hari Peringatan Sedunia 2014 PPPBD.

yang memerlukan bantuan, di samping menanam sikap suka berdikari, suka kepada kegiatan

berkebajikan dan sebagaimana yang terkandung dalam persediaan dan undang-undang PPPBD.

'Brunei Malay Wedding' serlah perkahwinan Brunei

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Buku 'Brunei Malay Wedding' hasil nukilan seorang pereka fesyen dan pengusaha Dayang Anyati binti Abdullah Orcullo telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman pada majlis yang berlangsung di salah sebuah hotel antarabangsa di Gadong, di sini.

Yang Mulia menjelaskan bahawa, penglibatan masyarakat adalah penting untuk memastikan kelangsungan hidup tradisi yang kaya dan beliau juga

gembira dengan penghasilan buku 'Brunei Malay Wedding' yang telah memberikan bukti yang mencukupi tentang hal itu.

Semasa berucap Yang Mulia sangat memuji inisiatif Dayang Anyati dan berharap lebih banyak usaha penyelidikan serta penerbitan akan dilaksanakan kemudian dalam usaha mengukuhkan identiti kebangsaan. Selain itu, jelas Yang Mulia, ia adalah tanggungjawab kerajaan dan bukan kerajaan bersama-sama masyarakat untuk bekerjasama bagi memelihara atau sekurang - kurangnya

mendokumenkan warisan budaya kita dalam usaha untuk menyelamatkan kebudayaan sendiri.

Buku ini, tambahnya, mempunyai ilustrasi yang indah dan maklumat upacara dan amalan perkahwinan Melayu Brunei. Ia juga adalah dokumentasi ternilai warisan kebudayaan tidak ketara yang kaya dengan Brunei Darussalam.

Jelasnya, hal ini selaras dengan pengesahan negara pada Konvensyen UNESCO untuk Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara pada 2011 dan komitmen melindungi warisan budaya dan alam, untuk memastikan kelangsungan hidup dan amalan berterusan serta tidak hanya untuk generasi akan datang atau untuk berkhidmat hanya sebagai rujukan

bagi masyarakat Brunei dan masyarakat dunia amnya.

Buku dihasilkan oleh pengusaha dari Filipina itu mengandungi koleksi gambar pakaian perkahwinan Brunei antaranya baju kurung dan baju kebaya. Beliau kini aktif menjalankan usahanya dengan terlibat dalam menguruskan majlis perkahwinan, ulang tahun, reuni keluarga serta beberapa acara lain yang dapat mengembangkan bakatnya.

TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa berucap pada Majlis Perasmian Buku 'Brunei Malay Wedding'.



Program kemasyarakatan warga emas

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed



PEGAWAI Pemerintah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Cawangan Operasi 'B' Daerah Belait, Awang Abdul Azis bin Haji Mohamad menyeru kepada orang ramai agar jangan membakar di kawasan terbuka.

SUNGAI LIANG, Rabu, 5 Mac. - Aspek keselamatan di dalam rumah serta tatacara penggunaan alat pemadam api perlu didedahkan kepada warga emas bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku terhadap golongan tersebut.

Ke arah itu Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Cawangan Daerah Belait telah membuat inisiatif dengan mengadakan satu Program Kemasyarakatan Warga Emas Mukim-Mukim Setempat bagi Daerah Belait dengan usahasama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Cawangan Operasi 'B' Daerah Belait.

Selaku Pengerusi Bersama Pengendali Program, Dayang Noridah binti Haji Ishak, Ketua Cawangan JAPEM Belait menjelaskan mengenai program adalah kesinambungan daripada Sambutan Hari Warga Emas Antarabangsa yang diadakan pada tahun lepas (2013) di Ibu Pejabat JBP, Berakas.

Sementara itu bagi pihak JBP, Awang Muhamad Ali bin Hassan, selaku Pengerusi Bersama, selaku Pengendali Program khususnya Balai Bomba Sungai Liang program berkenaan adalah kesinambungan bagi meneruskan solusi cadangan pembaikan kepada Projek Kumpulan Kerja Cemerlang 'Life Saver 995' pada tahun lepas untuk memberikan pengetahuan dan pendedahan tatacara penggunaan alat pemadam api kepada masyarakat umum yang bertemakan

'Kami Memeduli Biskita (Warga Emas)'.

Program ini merupakan satu projek JAPEM Belait mengenai pemedulian terhadap warga emas khususnya bagi Daerah Belait, projek usahasama JAPEM Belait dengan JBP Cawangan Operasi 'B' dan juga Institusi Mukim dan Kampung Daerah Belait dan juga bersempena dengan Sambutan Hari Warga Emas Antarabangsa.

Objektif program tersebut adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada warga emas mengenai dengan aspek keselamatan di dalam rumah, mengetahui fungsi dan peranan JAPEM dan juga JBP Cawangan Operasi 'B' serta memberi peluang secara dekat melawat Aset Kecemasan di balai-balai bomba di Daerah Belait.

Antara pengisian acara bagi Program Kemasyarakatan Warga Emas pada hari itu telah diberi pendekatan melalui taklimat mengenai peranan dan fungsi JAPEM yang disampaikan oleh Ketua Cawangan JAPEM Belait, Dayang Noridah binti Haji Ishak yang menyentuh mengenai pemedulian dan keistimewaan yang diberikan melalui JAPEM terhadap warga emas.

Seterusnya taklimat mengenai kesihatan bertajuk 'Sihat Sejahtera di Usia Emas' disampaikan oleh Dr. Hajah Budi Rusitawati binti Haji Budi Ismardi menerangkan bahawa, tahap warga yang bergelar warga emas bermula di usia 60 ke atas dan pemedulian mengenai hak warga

di tahap ini amat penting dan menjadi tanggungjawab semua pihak.

Sementara itu, taklimat mengenai peranan dan fungsi JBP mengenai mencegah kebakaran telah disampaikan oleh Stesen Komander Balai Bomba Sungai Liang, Awang Muhamad Ali bin Hasan.

Peserta Program dibawa melawat pameran 3 jenis kenderaan yang digunakan oleh pihak bomba dan penyelamat 'Rescue Tender 2', 'Emergency Tender' dan HAZMAT yang merupakan aset kecemasan serta menyaksikan penggunaan alat pemadam api.

Salah seorang peserta warga emas, Dayang Hajah Noor Maira binti Haji Mohd. Ali Rashid berusia 68 tahun berasa amat dihargai dan telah berkesudian memberi sedikit pandangan serta ulasan mengenai program tersebut agar dilanjutkan sehingga melahirkan warga emas yang berpengetahuan, berkemahiran dan diberi pemedulian yang wajar, kerana melalui program celik maklumat itu sedikit sebanyak telah memberi pengetahuan dan menambah pengalaman selain dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara mereka dan masyarakat.

Sementara itu Penasihat Bersama, Awang Abdul Azis bin Haji Mohamad, Pegawai Pemerintah, JBP Cawangan Operasi 'B' Daerah Belait telah melahirkan rasa bangga dengan keterlibatan pihak bomba dan penyelamat dalam memberi kerjasama dalam sama-sama memeduli warga emas dan seterusnya merayu kepada orang ramai agar tidak akan membakar di kawasan terbuka terutamanya orang awam yang gemar mengail dan petani kerana kawasan tanah gambut yang merupakan sejenis tanah yang terbentuk dari akumulasi sisa-sisa tumbuhan dan mudah dimamah api dari dalam pada masa ini pihak bomba dan penyelamat sentiasa bersiap siaga untuk memantau sebarang kemungkinan yang bakal berlaku pada musim kemarau yang melanda sekarang.

Turut hadir bagi Fasa Pertama program tersebut merupakan Penasihat Bersama Mukim Liang, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyarakat Negara, Awang Haji Shafie bin Ahmad, selaku Ketua Kampung Lumut 1, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Penghulu Mukim Liang.

UNISSA promosi program akademik yang ditawarkan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEMANGKU Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail semasa berucap dan seterusnya merasmikan Hari Terbuka UNISSA.

TUNGKU LINK, Rabu, 5 Mac. - Hari Terbuka Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang berlangsung dua hari dihasratkan untuk mempromosikan program akademik yang ditawarkan di UNISSA dari aspek pengajaran, pembelajaran dan aktiviti-aktiviti di UNISSA.

Majlis Perasmian Hari Terbuka yang diadakan di Auditorium UNISSA disempurnakan oleh Pemangku Rektor UNISSA, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail, selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapan perasmian, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah antara lain menjelaskan, objektif majlis diadakan bertujuan untuk mempromosikan program

akademik yang ditawarkan di UNISSA dari aspek pengajaran, pembelajaran dan aktiviti-aktiviti di UNISSA.

Selain itu, katanya, ia dapat memberi peluang dan pendekatan kepada para pelajar dan orang ramai melalui taklimat serta perbincangan dengan para pensyarah dan pegawai UNISSA mengenai program yang ditawarkan di UNISSA serta memupuk semangat serta minat mereka untuk melanjutkan pengajian di UNISSA sama ada dalam bidang akademik dalam aliran bahasa Arab atau pun Inggeris.

"Menyedari setiap institusi pendidikan dalam dan luar negara masing-masing mempunyai kelebihan tersendiri, dengan adanya peluang seperti ini ianya bukan saja memberikan gambaran sebenar malahan juga pengalaman melihat, mendengar dan merasai sendiri pengalaman belajar di UNISSA," ujarnya.

Pemangku Rektor UNISSA seterusnya menegaskan salah satu perkara utama dalam membuat pilihan tempat belajar adalah dengan mengetahui hala tuju institusi berkenaan, di samping tenaga pengajar dan fakulti serta persekitaran pembelajaran yang ada.

Menurutnya, UNISSA sebagai sebuah universiti Islam tulen bukan sahaja mempunyai hala tuju yang sangat jelas dan sesuai dengan aspirasi bangsa bukan hanya setakat di dunia yang sementara ini malahan sampai ke alam akhirat yang kekal nanti.

Jabatan Pendidikan Teknik dalam proses transformasi



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail meninjau lebih dekat pameran yang memaparkan ciptaan pelajar-pelajar Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), Kuala Belait.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 5 Mac. - Jabatan Pendidikan Teknik pada masa ini sedang dalam proses transformasi bagi memenuhi keperluan-keperluan industri.

Untuk itu semua program-program yang ada telah pun dan akan disusun semula serta diubah secara berperingkat-peringkat.

Beberapa program baru sudah ditawarkan dan dijalankan di institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional seperti program EICF/BTE (Enegry Industry Competency Framework / Brunei Technical Education) iaitu Sijil Pendidikan Tinggi Teknikal Kebangsaan (HNTEC) dan Sijil Pendidikan Teknikal Kebangsaan (NTEC) yang lebih menjurus kepada kemahiran yang diperlukan dalam industri minyak dan gas sekali gus bagi membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

“Paling awal tahun 2018, kita akan mewujudkan Mega Campus bagi menyatukan semua institusi-institusi pendidikan dan vokasional di Negara Brunei Darussalam,” kata Timbalan Menteri Pendidikan.

“Keperluan untuk kita melakukan transformasi bagi pendidikan teknik dan vokasional amat mendesak dengan wujudnya beberapa industri-industri baru, di samping industri-industri yang sedia ada seperti industri tenaga yang memberi sumbangan yang besar kepada perekonomian negara,” ungkap Yang Mulia lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail sehubungan itu menyarankan pelajar-pelajar institusi pendidikan teknik dan vokasional di Negara Brunei Darussalam supaya meneruskan karier mereka sebagai profesional dalam bidang-bidang tertentu yang tidak memerlukan kepada pencapaian akademik yang terlalu tinggi.

Saranan ini untuk mengubah persepsi masyarakat mengenai pendidikan teknik khususnya bahawa pendidikan teknik dan vokasional juga memberi laluan yang dapat menjamin untuk sesuatu yang baik kepada mereka yang memilih bidang tersebut.

Menurut Yang Mulia, pemilihan ke institusi pendidikan teknik dan vokasional, bukan sebagai satu bidang atau lapangan pilihan yang terakhir tetapi ia adalah bidang yang sama taraf di dalam pemilihan-pemilihan awam untuk diterokai.

Yang Mulia menyatakan demikian semasa membuat lawatan kerja ke institusi pendidikan teknik dan

vokasional di Daerah Belait bersama ahli-ahli Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Brunei Darussalam (MPTVBD).

“Kita bukan menghalang pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat yang lebih tinggi tetapi jika semua mereka berada di tahap yang tinggi, kita tidak mempunyai orang profesional yang boleh membantu atau menyokong untuk menjayakan industri-industri kita. Pekerja-pekerja mahir, itu yang kita amat perlukan,” ungkap Yang Mulia, selaku Pengerusi MPTVBD.

Sebab itu kebanyakan institusi di negara ini, tambah Yang Mulia, begitu banyak yang mempunyai kelayakan akademik yang bagus tetapi kita kekurangan mereka yang mempunyai pengalaman industri.

“Bagi pendidikan teknik dan vokasional yang penting adalah pengalaman industri,” ungkap Yang Mulia.

Yang Mulia beserta rombongan telah membuat lawatan ke Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) dan Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah (SVSB), Seria. Lawatan merupakan kesinambungan siri lawatan MPTVBD yang telah dilaksanakan sebelum ini. Sejauh ini MPTVBD telah pun dapat mengadakan lawatan di lima buah institusi pendidikan teknik dan vokasional kerajaan dan swasta termasuk sebuah yang dikelolakan oleh Kementerian Pertahanan.

Tugas dan tanggungjawab MPTVBD untuk memantau dan memastikan serta membuat penilaian kepada institusi pendidikan teknik yang ada menawarkan program-program pendidikan teknik dan vokasional yang dibenarkan oleh majlis itu.

Ahli-ahli MPTVBD terdiri daripada berbagai-bagai pihak atau mereka yang berkepentingan daripada berbagai-bagai industri sama ada industri tenaga, mekanikal, komputer dan juga beberapa agensi-agensi kerajaan.

Semasa melawat di MKJB, Yang Mulia Dato beserta rombongan berkesempatan membuat pendekatan dengan program-program yang baru dilancarkan, Akademi Maritim Brunei (BMA). Industri Maritim bukanlah bidang baru, ia ada pernah ditawarkan di dalam kursus sebelum ini cuma ia lebih mempelbagaikan lagi mengikut keperluan-keperluan yang ada pada masa ini.

Sementara di SVSB pula, tiga buah komponen program yang ditawarkan meliputi Bisnes dan Perdagangan, Teknologi dan Informasi dan



TENAGA Pengajar MKJB bergambar bersama Timbalan Menteri Pendidikan dan ahli-ahli Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Brunei Darussalam (MPTVBD).

Mekanikal yang merupakan satu jurusan yang mempunyai kepentingan bagi membantu sosioekonomi di Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia berharap pelajar-pelajar lepasan sekolah itu akan dapat menyumbangkan tenaga mereka untuk membantu menaikkan keupayaan perekonomian melalui aktiviti-aktiviti sama ada di bidang industri berat atau industri ringan.

Lawatan bertujuan pada dasarnya untuk membuat pendekatan mengenai pelaksanaan program-program yang ditawarkan di institusi-institusi berkenaan seperti program kejuruteraan, perniagaan, teknologi maklumat dan sebagainya.

Selain itu, lawatan juga bertujuan untuk memberi ruang kepada ahli untuk berinteraksi dengan para pelajar dan tenaga pengajar, di samping

itu juga untuk melihat dengan lebih dekat lagi akan prasarana yang disediakan, sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di institusi-institusi berkenaan.

Turut serta dalam rombongan termasuk Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

PESTA BUKU BRUNEI 2014 Pelbagai kegiatan pendidikan disediakan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



SEORANG murid mengambil bahagian dalam salah satu kegiatan semasa berkunjung ke Pesta Buku Brunei kali ke-15/2014.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Pelbagai aktiviti menarik disediakan bagi penyertaan orang ramai khususnya penuntut-penuntut sekolah sempena Pesta Buku Brunei Ke-15/2014 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bermula 28 Februari sehingga 9 Mac 2014.

Pesta Buku yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) itu dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula pukul 9.00 pagi hingga 10.00 malam.

Antara kegiatan pentas yang dianjurkan ialah seperti Kuiz Pesta Buku, Peribahasa Brunei, Bijak Eja, Bina Kata, Kuiz Majalah serta membaca dan bercerita yang mana peserta yang menjawab dengan tepat berpeluang memenangi baucar bernilai BND5.

Selain aktiviti pentas, juga diadakan ialah Bengkel Terjemahan Puisi dan pertandingan terjemahan puisi untuk pelajar prauniversiti, Kursus Sistem Bahasa Melayu yang disasarkan untuk pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam bertempat di Bilik Sejati 3, ICC serta Taklimat Peraduan Hari Bercerita bagi guru-guru sekolah rendah dan pengawas perpustakaan.

Pesta buku kali ini juga

umum, bahasa, kamus, komik, masakan, ekslopedia, istilah, cerita kanak-kanak, buku komputer dan lain-lain.

Salah seorang pengunjung iaitu guru pembantu pengawas di Pusat Bahagia, Dayangku Hajah Razainah binti Pengiran Haji Daud menjelaskan kepada wakil PELITA BRUNEI bahawa Pesta Buku tersebut banyak memberi manfaat serta peluang kepada para penuntut sekolah khususnya untuk mencari dan membeli buku-buku yang diminati.

Beliau berkata, lebih 50 pelajar berkeperluan khas Pusat Bahagia dibawa mengunjungi Pesta Buku pada sebelah pagi yang merupakan salah satu aktiviti tahunan Pusat Bahagia setiap kali Pesta Buku Brunei diadakan.

“Melalui kunjungan ke Pesta Buku ini, ia akan dapat mendedahkan para pelajar kami terutama orang berkeperluan khas (OBK) dengan aktiviti-aktiviti luar yang akan memberi manfaat kepada diri mereka sendiri,” ujarnya.

Antara tujuan utama Pesta Buku adalah untuk mengenalkan dan menjual buku serta memberikan peluang dan interaksi bagi pendedar, penerbit, pustakawan, pencinta buku dan masyarakat umum di bawah satu bumbung untuk meningkatkan daya apresiasi terhadap buku.



PARA pelajar berkeperluan khas Pusat Bahagia bergambar ramai semasa mengunjungi Pesta Buku Brunei Kali Ke-15/2014.

Peserta Kem Motivasi Belia Muslimah terima sijil

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

SUNGAI KEBUN. - Seramai 40 peserta menerima sijil masing-masing setelah berjaya menamatkan Program Kem Motivasi Belia Muslimah 2014 dalam majlis penutupannya yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Penyampaian sijil kepada para peserta itu disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohamad pada 28 Februari 2014 yang lalu.

Sepanjang program dua hari itu dijalankan, para peserta menjalani pelbagai aktiviti antaranya ceramah motivasi, kuliah subuh, bengkel, di samping sukan dan drama secara berkumpulan.

Salah seorang peserta, Dayang Ummi Khadijah Ahmad Suhaimi, pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam jurusan Faculty of Science, Biological of Science ketika ditemui menyatakan, program seumpama itu sangat bermanfaat dan berguna walaupun hanya dalam tempoh yang singkat.

Selain mengeratkan ukhuwah sesama peserta, katanya, mereka juga



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohamad semasa menyampaikan sijil kepada para peserta.

belajar mendisiplinkan diri dari pengurusan masa serta diberi pengetahuan dalam meningkatkan mutu iman untuk menjadi muslimah sebenar yang aktif dan produktif.

Para peserta program anjuran kerjasama di antara Jabatan Belia dan Sukan dengan Sekolah Perdagangan, Politeknik Brunei itu terdiri daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi termasuk UBD, Universiti

Sultan Sharif Ali (UNISSA), Institut Teknologi Brunei (ITB) serta Politeknik Brunei.

Dengan adanya program tersebut diharap akan dapat memberi serba sedikit pandangan kepada remaja bahawa wanita juga memainkan peranan penting dalam Islam selain membina para belia dengan ciri-ciri kepimpinan bagi mencapai matlamat Wawasan 2035.

Memperkaya wacana saintifik

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Md. Khairulanwar Idris
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

TUNGKU. - Program 'Shine-in-Science' merupakan siri bengkel bertujuan untuk melatih pelajar-pelajar sains Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam membangunkan cadangan projek, membarigakan kerja-kerja penyelidikan dan menyampaikan kemahiran sains kepada orang ramai.

Bengkel sehari berlangsung di bangunan Dewan Canselor, UBD, di sini, dibimbing oleh Pensyarah Kanan, Program Sains Bio-Kesihatan, Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya, Dr. Yusrizam Sharifuddin.

Seramai 21 pelajar UBD antaranya yang mengikuti jurusan sains termasuk di peringkat Sarjana, Sarjana Muda, Doktor Falsafah (Ph.D) di Fakulti Sains, UBD, selain dikhususkan bagi pelajar yang mempunyai kemahiran dan bercita-cita menceburi bidang sains.

Program ini dihasratkan dapat membantu memperkayakan wacana saintifik terutama dalam kalangan anak-anak muda di era media sosial pada masa ini, di samping membudayakan sains dan inovasi ke arah mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan yang progresif.

Pada tahun ini, UBD menjadi tuan rumah bengkel yang ditaja oleh Jabatan Negara, Amerika Syarikat sempena Aktiviti Antarabangsa bagi Persatuan Kimia Amerika (ACS).



PARA peserta semasa mengikuti bengkel Program 'Shine-in-Science' di Bangunan Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

hari itu ialah tayangan dokumentari berkenaan dengan kehidupan Pengasas Pengakap Lord Baden Powell, persembahan nyanyian daripada ahli-ahli pengakap laut, persembahan daripada pemimpin pengakap laut dan tetamu kehormat, menikmati sajian yang dimasak oleh patrol-patrol pasukan pengakap laut dari SMB dan Daerah Belait.

Aturcara juga diselenggarakan dengan

Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30.

Sambutan Hari Pengasas bertujuan memperingati tarikh lahir Lord Baden Powell yang juga diadakan di seluruh dunia.

Tahun ini merupakan kali pertama, Pasukan Pengakap Laut 1005, SMB mengadakan upacara tersebut bagi pihak PPNBD.

Jasa Pengasas Pengakap dikenang



UPACARA Menaikkan Bendera sempena perkhemahan memperingati Hari Pengasas Pengakap anjuran Pasukan Pengakap Laut 1005, Sekolah Menengah Berakas.

Berita dan Foto :
Hamdanajib Domeng

BERAKAS, Ahad 2 Mac. - Pasukan Pengakap Laut 1005, Sekolah Menengah Berakas (SMB) mengadakan perkhemahan bagi ahli-ahli pengakap baru sempena Sambutan Hari Pengasas Pengakap yang jatuh pada 22 Februari setiap tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pesuruhjaya Ibu Pejabat (Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam - PPNBD), Skipper Haji Hassan bin Haji Abd. Hamid, berlangsung di perkarangan SMB.

Juga menyertai majlis ialah ahli-ahli pengakap dan Pasukan Pengakap Laut Terbuka 3048 dari Daerah Belait sebagai pasukan jemputan.

Antara aktiviti perkhemahan dua

DBP ungkayah pameran bariga sejarah penerbitan

Oleh : Norrasidah Jumat
Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BERAKAS, Selasa, 4 Mac. - Pameran Lima Dekad Penerbitan di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah sempena usia penerbitan di negara ini dengan mempamerkan pelbagai rencah kehidupan, pengalaman, dan merupakan satu perkongsian yang berharga, dan menjadi kebanggaan yang tiada galang gantinya.

Pameran tersebut merupakan acara utama dalam Pesta Buku Brunei Ke-15 bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun, 2014 diadakan bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini, bermula 28 Februari sehingga 10 Mac 2014 yang lalu.

Pameran diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi mengambil inisiatif sebagai wadah memperluaskan dan membarigakan sejarah penerbitan agar terus menjadi bahan ristaan masyarakat kini dan generasi akan datang.

Tujuan utama pameran itu diadakan bagi mengimbas kembali kepentingan dunia penerbitan khususnya media cetak di negara ini bermula seawal tahun 50-an sehingga hari ini.

Melalui media cetak itu, satu aktiviti juga diadakan yang dibukakan kepada pelajar Sekolah Menengah Tahun 7 hingga Tahun 11.

Para peserta aktiviti berkenaan dikehendaki untuk memilih berita dari surat khabar terbitan NBD yang telah disediakan oleh pihak penganjur, berita tersebut mestilah signifikan dengan hal ehwal dalam negara.

Sebelum pertandingan dimulakan, para peserta diberi masa selama 15 minit untuk membaca, memahami, menghafal idea atau isi berita yang dibaca yang kemudiannya akan disampaikan secara spontan kepada audien tidak melebihi lapan minit.

Manakala pemarkahan pula dinilai dari aspek penyampaian, ketepatan isi dan fakta, intonasi yang menarik dan kejelasan suara dan kemenangan tertakluk kepada keputusan hakim yang muktamad.

PELAJAR sibuk mencari bahan untuk aktiviti.



Mahasiswa-mahasiswi UBD lawat Jabatan Penerangan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Md. Khairulanwar Idris
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Mac. - Jabatan Penerangan berperanan sebagai 'lidah' dan 'mulut' kerajaan dalam menyalurkan kepelbagaian maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan kepada orang ramai.

Peranan utama jabatan berkenaan dalam menyalurkan maklumat dan berita itu mendorong masyarakat agar lebih peka akan hal ehwal kerajaan dan negara sekali gus akan dapat mendukung slogan jabatan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Dalam mendedahkan lagi fungsi dan kerja-kerja Jabatan Penerangan khususnya dalam penyaluran maklumat itu, serombongan 21 mahasiswa-mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan lawatan ke jabatan berkenaan.

Pada lawatan tersebut, Pemangku

Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad mengalu-alukan kedatangan rombongan dan seterusnya memberi penerangan ringkas mengenai Jabatan Penerangan.

Ini diikuti dengan taklimat mengenai latar belakang jabatan oleh Ketua Unit Perhubungan Awam, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya, berlangsung di Bilik Persidangan Orang Kaya Pehin Shahbandar, Jabatan Penerangan.

Sementara itu, Pensyarah Modul Kemahiran Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Zurinah binti Haji Yaakub, selaku ketua rombongan semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI menjelaskan, dengan adanya lawatan itu akan dapat mendekatkan para mahasiswa-mahasiswi UBD khusus bagi Modul Kemahiran Komunikasi Strategik akan perkembangan Jabatan Penerangan

terutama dalam memfokuskan akan kepentingan PELITA BRUNEI.

Jelasnya, manfaat yang diperolehi pelajar dari perkongsian pada lawatan itu akan mendorong mereka lebih peka terhadap perkembangan PELITA BRUNEI itu sendiri yang berperanan utama dalam menyalurkan informasi kerajaan kepada masyarakat dan akan dapat menggunakan informasi yang ada di PELITA BRUNEI untuk tujuan kajian mereka di masa akan datang.

Beliau seterusnya berharap agar para mahasiswa-mahasiswi akan dapat menggalakkan budaya membaca bukan sahaja dalam bahasa Inggeris tetapi lebih kepada bahasa Melayu terutama sekali untuk modul yang diajar terutama menggunakan bahan daripada media cetak seperti PELITA BRUNEI untuk memperbaiki bahasa Melayu.

Manakala bagi Awang Muhd Najib bin Awang Abdullah, selaku pengerusi rombongan berkata, apa yang menarik perhatian beliau pada lawatan ini adalah perkongsian penyampaian bahasa Melayu yang dapat diterapkan ke modul, memandangkan adanya



SEROMBONGAN 21 mahasiswa-mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan.

informasi-informasi yang diperolehi dari Jabatan Penerangan khususnya PELITA BRUNEI walaupun tidak menyeluruh tetapi sedikit sebanyak dapat membantu memberikan maklumat kepadanya.

Jelasnya, sebagai seorang belia yang berstatus pelajar atau seorang warga kerajaan seharusnya menjadikan bahasa Melayu bahasa utama yang boleh menjamin masa hadapan mereka.

Program Pendidikan dan Bengkel Kemahiran Keibubapaan anjuran BKK

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Mac. - Bahagian Kaunseling dan Kerjaya (BKK), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, hari ini mengadakan Program Pendidikan dan Bengkel Kemahiran Keibubapaan khusus bagi para ibu bapa penuntut sekolah menengah dan Pusat Tingkatan Enam Bawah seluruh negara, berlangsung di Auditorium, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Taklimat pada sebelah pagi program tersebut disampaikan oleh Pemangku Ketua BKK, Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Ali Yusri bin Abdul Ghafor, manakala pada sebelah petang pula disampaikan oleh Dayang Lina Salwana binti Hussin dari Unit Pendidikan Kerjaya, BKK.

Program yang dijalankan bermula Februari hingga Oktober 2014 melibatkan para ibu bapa pelajar Tahun 9 dan Pusat Tingkatan Enam Bawah.

Antara perisian program diadakan seperti komunikasi antara ibu bapa dan anak, disiplin, membina penghargaan sendiri anak, pengurusan masa dan



PROGRAM Pendidikan dan Bengkel Kemahiran Keibubapaan anjuran Bahagian Kaunseling dan Kerjaya (BKK), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

kerjaya anak-anak serta perbincangan bersama ibu bapa selain pengkongsian permasalahan dihadapi oleh para ibu bapa.

Ia diharapkan supaya dapat membantu dan membuka minda para ibu bapa untuk mempelajari ilmu kemahiran keibubapaan secara langsung seperti kemahiran berkomunikasi, pengurusan masa dengan berkesan, mendisiplinkan anak dan membina penghargaan diri anak-anak mereka.

Program bertujuan agar supaya ibu bapa dapat berkomunikasi secara berkesan antara ibu, bapa dan anak, di samping mengetahui tatacara membina penghargaan sendiri anak-anak mereka.

Seterusnya program seumpama itu akan dilaratkan ke Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja, Mentiri sebagai sekolah yang pengendali dengan kerjasama Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa.

Tiga pegawai dilantik Timbalan Setiausaha Tetap

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Mac. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan tiga pegawai kerajaan.

Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Pengarah Jabatan Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

(KHELNP) menjadi Timbalan Setiausaha Tetap KHELNP.

Sementara itu, Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Penolong Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan.

Manakala Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin, Ketua Pengarah Kerja Raya, Kementerian Pembangunan menjadi Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan.

Tarikh pelantikan pegawai-pegawai tersebut berkuat kuasa mulai hari Isnin, 8 Jamadilawal 1435 Hijriah bersamaan 10 Mac 2014 Masihi.

4 pelajar wakili negara ke Kongres SSYS

Berita dan Foto : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Mac. - Negara Brunei Darussalam hari ini menghantar perwakilan ke Kongres Serantau Ke-9 bagi Mencari Saintis Muda SEAMEO (SSYS) yang akan berlangsung di Pulau Pinang, Malaysia pada 3 Mac hingga 7 Mac 2014.

Empat pelajar terdiri daripada dua pelajar perempuan dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) dan dua pelajar lelaki Maktab Anthony Abell, Seria berlepas meninggalkan negara bagi menyertai kongres selama tujuh hari yang bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan matematik dalam kalangan para pelajar muda di Asia Tenggara dan lain-lain negara.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para pelajar berkenaan ialah Pemangku Ketua Pusat STEP (The Science, Technology and Environment Partnership), Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Sarimah binti Abu Bakar.

Rombongan Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Awang Haji Hairone bin Haji Abdul Rahman dari Pusat STEP dan diiringi dua guru pengawas, Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abdul Karim dari STPRI dan Miko bin Juna dari Maktab Anthony Abell.

Pada kongres serantau itu, Dayang Nur Thaqifah binti Haji Junaidi dan Dayang Siti Bazilah binti Awang Mahmud akan membawakan projek sains bertajuk 'Conserving Land for Disaster Risk Reduction Through Hydroponics', manakala Awangku Muhd. Faris Haziq bin Pengiran Zamahin dan Kulin Anak Go mengetengahkan projek matematik bertajuk 'Disaster Risk Reduction for Sustainable Development: Dynamic Hydro Dam System'.

Kongres Serantau yang bertemakan 'Disaster Risk Reduction for Sustainable Development' (Pengurangan Risiko Bencana bagi Pembangunan Mampan) adalah sebagai usaha intelektual dan satu medium yang berkesan untuk menggalakkan nilai-nilai sains dan matematik sepanjang hayat, kemahiran, sikap dan motivasi dalam kalangan belia.



PERWAKILAN Negara Brunei Darussalam ke Kongres Serantau Ke-9 bagi Mencari Saintis Muda SEAMEO (SSYS) di Penang, Malaysia pada 3 Mac hingga 7 Mac 2014.

Membariga maklumat pembelian kerajaan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman, Norrasidah Jumat
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Mac. - Jerayawara 'Vendor Day' anjuran Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dengan kerjasama BAG Networks Sendirian Berhad adalah untuk membarigakan maklumat mengenai Pembelian Kerajaan dan Kepentingan Surat

Pesanan dan kefahaman terhadap proses pembayaran.

Jerayawara yang dibahagikan kepada enam sesi pagi dan petang itu akan diadakan pada hari Sabtu, 1 Mac, Rabu, 5 Mac, dan Sabtu, 8 Mac itu berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, di sini.



TAKLIMAT bagi mengelakkan isu invois hilang atau tidak diakui atau tidak diterima oleh agensi-agensi tertentu.

Sesi pembukaan jerayawara tersebut telah diadakan pagi tadi dan dihadiri Pemangku Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Dayang Rokiah binti Haji Badar, selaku tetamu kehormat majlis.

Beliau yang juga selaku pengerusi majlis semasa berucap pada sesi jerayawara tersebut berharap selepas taklimat yang disampaikan, para pembekal akan dapat memahami bagaimana proses-proses pembayaran dilaksanakan di Bahagian Perbendaharaan dan Sistem Maklumat Kewangan (TAFIS) termasuk inisiatif terbaru yang diperkenalkan oleh Jabatan Perbendaharaan bagi meningkatkan proses berkenaan.

Jabatan Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan jelasnya, akan terus berusaha memperbaiki dan meningkatkan pelaksanaan proses-proses mengikut kesesuaiannya, yang mana setiap penambahbaikan itu bertujuan untuk mewujudkan kerjasama yang lebih tulus dengan agensi-agensi yang berkaitan kerana semuanya memainkan peranan yang penting dalam memastikan kesemua proses diguna pakai dengan cepat dan telus.

Beliau turut menekankan pentingnya mematuhi peraturan

kewangan bagi memastikan komitmen daripada pihak berkenaan.

"Dengan penambahbaikan sistem dan proses pembayaran ini, kami berharap dapat mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif di negara ini di mana syarikat-syarikat boleh mengembangkan perniagaan mereka dan pada masa yang sama menyumbang kembali kepada ekonomi," ujarnya.

Sementara itu, Penolong Jurukira Agung Unit Pengurusan Sistem Jabatan Perbendaharaan, Puan Poh Kui Choon semasa ditemu bual oleh wakil pemberita antaranya menjelaskan mengenai tujuan taklimat dan jerayawara yang pertama kali diadakan itu.

Menurutnya, Hari Vendor tersebut adalah bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan para pembekal mengenai inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan seperti pengenalan Invoice Tracking yang telah dilaksanakan sejak tahun 2002.

Invoice Tracking tersebut, jelasnya, adalah bagi memudahkan pemborong dan pembekal-pembekal perkhidmatan untuk membuat pertanyaan mengenai status tuntutan pembayaran masing-masing dan membantu agensi-agensi kerajaan mengesan status pembayaran sesuatu tuntutan dengan lebih mudah dan senang.

Antara lain, kelebihan taklimat ini disediakan adalah bagi mengelakkan isu invois hilang atau tidak diakui atau tidak diterima oleh agensi-agensi tertentu, di samping bagi mengenal pasti dan meleraikan punca-punca kelambatan proses pembayaran oleh pihak-pihak tertentu dan dapat



PEMANGKU Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Dayang Rokiah binti Haji Badar, selaku tetamu kehormat majlis.

memantau tuntutan-tuntutan yang masih belum dijelaskan, serta bagi mengetahui tempoh yang boleh diambil bagi memproses sesuatu pembayaran.

Maka sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kewangan, mengingati semua pemborong dan pembekal untuk memperolehi Surat Pesanan (Purchase Order) sebelum membekal barang atau perkhidmatan kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan, ini adalah untuk mendapatkan komitmen pihak agensi kerajaan untuk membuat pembayaran.

Semua agensi kerajaan telah menyediakan kaunter penerimaan invois bagi membolehkan pemborong dan pembekal menghantar tuntutan-tuntutan mereka dan 'Notification Slip' boleh diterima setiap kali penghantaran tuntutan ke kaunter penerimaan invois di jabatan berkenaan yang berperanan sebagai mekanisme pertanyaan kepada status pembayaran.

Bariga, promosikan Jabatan Perkhidmatan Pos

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 4 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) disaran agar membarigakan dan mempromosikan jenis-jenis perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan berkenaan agar orang ramai akan lebih peka dengan perkhidmatan yang boleh didapati di JPP.

Perkara tersebut antara yang disuarakan semasa sesi muzakarah antara JPP dengan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung bagi Daerah Temburong, berlangsung Dewan Muafakat, bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar, di sini.

Beberapa isu lain juga dibincangkan semasa sesi tersebut, termasuklah isu

berhubung kerjasama antara JPP dengan perkhidmatan bot laju bagi penghantaran surat-surat, yang mana ada ketikanya surat-surat yang dikirim melalui bot laju agak terlewat untuk diambil oleh petugas JPP.

Berhubung hal tersebut, JPP disaran agar mencari jalan agar isu berkenaan dapat diperbetulkan demi mengelakkan kesalahfahaman dan sekali gus dapat meningkatkan mutu perkhidmatan JPP.

Sesi muzakarah juga mendengarkan taklimat mengenai 'Peralaman Betul', disampaikan oleh Ketua Penguasa Pos, Dayang Hajah Hammah binti Puasa yang antara lain menyatakan beberapa kesilapan yang

sering dilakukan oleh orang ramai iaitu penggunaan nombor lot untuk alamat persuratan/kediaman, penggunaan poskod yang salah atau tiada poskod dan alamat yang tidak lengkap.

Majlis bersempena Hari Pos Sedunia ini antara lain bertujuan untuk memberikan taklimat dan penerangan kepada orang ramai melalui penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung mengenai perkhidmatan penyerahan surat oleh JPP.

Selain itu sesi muzakarah juga mendengar masalah-masalah yang sering dihadapi oleh orang ramai terhadap perkhidmatan pos terutamanya dari segi penyerahan surat-surat, di samping bertukar-tukar pandangan dan idea dalam sama-sama memperbaiki mutu perkhidmatan penyerahan surat di JPP.



TAKLIMAT mengenai 'Pengalaman Betul' disampaikan oleh Ketua Penguasa Pos, Dayang Hajah Hammah binti Puasa semasa berlangsungnya sesi muzakarah antara Jabatan Perkhidmatan Pos dengan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung bagi Daerah Temburong.

Lawatan mengejut JPKE ke bilik-bilik pameran kereta

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



KETUA Bahagian Penguatkuasaan Kawalan Harga, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Awang Haji Abdul Razak bin Haji Anggas.

GADONG, Sabtu, 1 Mac. - Manamana pengedar kereta yang gagal mematuhi atau melakukan kesalahan undang-undang dan peraturan-peraturan yang termasuk di bawah Akta Kawalan Harga boleh dikeluarkan kompaun tidak melebihi BND1,000.

Ketua Bahagian Penguatkuasaan Kawalan Harga, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Awang Haji Abdul Razak bin Haji Anggas menekankan perkara itu ketika mengetuai Lawatan Mengejut (Spot Check) ke beberapa bilik-bilik pameran (*showroom*) kereta di sekitar kawasan Perindustrian Beribi, Gadong, di sini.

Di samping itu, beliau juga menjelaskan, Lawatan Mengejut itu adalah sebagai lawatan rutin yang dilaksanakan oleh Bahagian Kawalan

Harga, JPKE untuk memastikan semua undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah Akta Kawalan Harga Penggal 142 sentiasa dipatuhi pada setiap masa.

Beliau menambah, lawatan kali ini dibuat khususnya bagi memastikan pengedar-pengedar kereta memohonkan penetapan harga kereta sebelum dijual dan mempamerkan siji harga kereta pada tempat-tempat yang mudah dilihat selaras dengan Bab 5 Akta Kawalan Harga Penggal 142.

Jelasnya, hasil daripada lawatan yang disertai lebih 20 pegawai dari Bahagian Kawalan Harga JPKE telah mendapati beberapa kesalahan yang dilakukan oleh pengedar-pengedar kereta yang terlibat dan mereka itu telah diberikan teguran serta memperbetulkan kesalahan-kesalahan berkenaan.

Tambahnya, lawatan ulangan akan dibuat lagi nanti bagi memastikan semua teguran-teguran yang dibuat itu



LAWATAN mengejut adalah rutin yang dilaksanakan oleh Bahagian Kawalan Harga, JPKE untuk memastikan semua undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah Akta Kawalan Harga Penggal 142 sentiasa dipatuhi pada setiap masa.

akan sentiasa dipatuhi.

Selain itu, Ketua Bahagian Penguatkuasaan Kawalan Harga JPKE juga menyeru kepada orang ramai supaya tidak akan membeli kereta yang belum ditetapkan harga oleh JPKE dan sentiasa meneliti siji harga yang dipamerkan dalam memastikan harga yang diluluskan serta aksesoriya.

Bagi sebarang pertanyaan dan aduan mengenai harga barangan yang ditetapkan harga atau acara-acara jualan, orang awam adalah dinasihatkan untuk menghubungi JPKE melalui talian *hotline* 2230223 (waktu pejabat) atau terus ke pejabat JPKE semasa waktu bekerja atau memberikan maklum balas melalui e-mel aduanpengguna@jpke.gov.bn.

Brunei - Kuwait teroka pelbagai bidang kerjasama



IMBAS KEMBALI ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama ketua dan pemimpin negara-negara Benua Asia ketika menghadiri Sidang Kemuncak Dialog Kerjasama Asia (ACD) Pertama di Kuwait pada bulan Oktober 2012.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Jabatan Penerangan

HUBUNGAN diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Kuwait yang terjalin pada 1 Mei 1990 terus berkembang meliputi bidang perdagangan, ekonomi, kebudayaan, perhubungan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan sukan.

Sejak Penubuhan diplomatik, kedua-dua buah negara merancang beberapa strategi untuk mengeratkan lagi hubungan dengan mengadakan pertukaran lawatan antara pemimpin, pembesar dan mengadakan mesyuarat dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Kuwait.

Selain itu, Bandar Seri Begawan dan Bandaraya Kuwait juga telah mencapai hubungan yang cemerlang terutama dalam rangka kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Keberangkatan lawatan rasmi lima hari Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Kuwait bermula pada 9 hingga 13 Mac ini setentunya akan memperkukuhkan hubungan serta meneroka peluang-peluang kerjasama yang

berpotensi untuk manfaat kedua buah negara.

Sebelum ini Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji A-Mahtadee Billah juga pernah mengadakan keberangkatan lawatan rasmi yang pertama ke Kuwait pada 1 hingga 4 Ogos 2010 atas jemputan Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah.

Kerjasama dua hala Negara Brunei Darussalam dan Kuwait meliputi Hal Ehwal Islam, Perdagangan, Pendidikan, Perkhidmatan Udara, serta Minyak dan Gas. Dalam Kerjasama Hal Ehwal Islam, Negara Brunei Darussalam telah menyertai Pertandingan Membaca, Menghafaz dan Tajweed Al-Qur'an sejak tahun 2010.

Pada 13 April 2009, kedua buah negara telah memeterai memorandum persefahaman bagi Kerjasama Minyak dan Gas: konvensyen bagi pengelakkan cukai berganda.

Kuwait yang hampir mempunyai empat juta penduduk terletak bersempadan dengan Arab Saudi dan Iraq di Utara dengan keluasan 17,818 kilometer persegi.

Minyak dan gas yang menjadi hasil utama negara teluk itu sebagai negara kelima terbesar mempunyai

simpanan minyak serta merupakan salah sebuah negara terkaya di dunia dengan pendapatan per kapita US\$138.6 bilion.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengadakan lawatan negara pada bulan Februari 1994 dan bulan April 2009 yang telah berhasil merapatkan hubungan mesra dan meningkatkan kesefahaman dalam pelbagai bidang.

DYTM Syeikh Nasser Al-Mohammad Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, bekas Perdana Menteri Kuwait juga telah mengadakan lawatan rasni ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Julai 2008 dan November 1990.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke

Kuwait pada Oktober 2012 bagi menghadiri Sidang Kemuncak Dialog Kerjasama Asia (ACD) Pertama telah memberi peluang kedua buah negara untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala selain untuk meneroka lebih banyak peluang meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang bagi kepentingan bersama.

Sidang Kemuncak ACD Kali Pertama yang diadakan pada 15 hingga 17 Oktober 2012 dihasratkan untuk mengukuhkan kerjasama kalangan negara-negara di benua Asia bagi kepentingan bersama.

Matlamat utama ACD adalah untuk menggalakkan kerjasama dalam kalangan ahli selain untuk memperluas pasaran perdagangan dan kewangan di dalam benua Asia yang kukuh dan berpotensi.

Sebanyak 20 bidang kerjasama telah dikenal pasti untuk diambil tindakan yang meliputi bidang-bidang keselamatan tenaga, mengatasi kemiskinan, pertanian, hubungan pengangkutan, bio-teknologi, e-perdagangan, dana

infrastruktur, e-pendidikan, institut piawaian Asia, kerjasama Peniaga Kecil dan Sederhana, Pembangunan IT, sains dan teknologi, pelancongan, kumpulan kerja dalam kerjasama kewangan, pembangunan sumber tenaga manusia, pendidikan alam sekitar, pengukuhan infrastruktur perundangan, keselamatan jalan raya, bencana alam dan kebudayaan.

Pada Sesi Tertutup Pertama Sidang Kemuncak ACD, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam percaya cara yang paling berkesan untuk mempersiapkan-siagakan penduduknya melalui pendidikan terutama dalam kalangan belia yang akan mewarisi potensi Asia dalam menghadapi dan menangani cabaran dunia moden masa kini.

Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan pejabat di Kuwait pada bulan Disember 2009, manakala Kuwait pula menubuhkan pejabat kedutaannya di Bandar Seri Begawan pada bulan September 2008.

KERJASAMA dua hala Negara Brunei Darussalam dan Kuwait meliputi Hal Ehwal Islam, Perdagangan, Pendidikan, Perkhidmatan Udara serta Minyak dan Gas. Dalam Kerjasama Hal Ehwal Islam, Negara Brunei Darussalam telah menyertai Pertandingan Membaca, Menghafaz dan Tajweed Al-Qur'an sejak tahun 2010.



TINGKAT KERJASAMA DUA HALA ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika mengadakan lawatan rasmi pertama ke Kuwait pada Ogos 2010.



Lebih 5 ribu perumahan untuk rakyat

Oleh : Aryentty Haji Ariffin

Foto : Ihsan BEDB

USAHA terus dilaksanakan dalam membantu untuk menyediakan perumahan bagi memenuhi permintaan perumahan negara yang terus meningkat. Oleh itu Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) turut diberikan amanah dalam sama-sama membantu menangani masalah permintaan perumahan yang meningkat itu.

Sehubungan dengan itu, BEDB telah melaksanakan dua projek perumahan iaitu tapak skim perumahan bagi penduduk Daerah Brunei dan Muara sebanyak empat ribu buah rumah di Kampung Mangkubau di Mentiri dan satu lagi di tapak skim perumahan negara bagi penduduk Daerah Tutong adalah projek perumahan di Bukit Beruang sebanyak 1,500 buah.

Bagi projek yang dikendalikan oleh BEDB di Daerah Tutong iaitu bagi Skim Perumahan Negara berkenaan adalah bagi pembinaan sebanyak 1,500 buah rumah di kawasan seluas 127 hektar bagi memenuhi permintaan perumahan bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang terus meningkat serta pada masa yang sama mengurangkan waktu menunggu bagi mendapatkan rumah berkenaan.

Semasa lawatan ke kawasan itu Pengurus Kanan Pemasaran dan Komunikasi Korporat BEDB, Awang Haji Idris bin Haji Ali menjelaskan projek bernilai BND147.5 juta itu bermula pada

Januari 2011 dan dijangka siap pada hujung April nanti yang mana kerja-kerja pembinaan adalah berada pada peringkat akhir.

Menurutnya lagi, kesemua struktur rumah bagi projek itu telah siap disempurnakan dan kerja-kerja pada masa ini adalah tertumpu kepada kerja-kerja menghalusi arkitektur dan juga kerja-kerja infrastruktur.

Dalam usaha untuk memastikan projek itu selesai pada masa yang dijadualkan kontraktor utama projek, TEE International Limited, Singapura telah melaksanakan beberapa pelan tindakan bagi menangani masalah yang dihadapi oleh projek termasuk meningkatkan jumlah jentera yang digunakan sehingga 50 peratus dan kini dicatatkan berada pada tahap optima, meningkatkan jumlah tenaga kerja sebanyak 30 peratus dan jumlah itu masih lagi meningkat, menggunakan khidmat dari sub-kontraktor yang berpengalaman dalam kerja-kerja pembinaan dan infrastruktur, melabur lebih banyak jentera berat dan peralatan ke dalam tapak pembinaan berjumlah kira-kira BND6 juta, memberikan bantuan pembiayaan kepada subkontraktor serta meningkatkan jumlah waktu kerja semasa keadaan cuaca baik.

Diharapkan dengan pelan tindakan yang dilaksanakan itu, projek pembinaan sebanyak 1,000 buah rumah teres dan 500 buah rumah berkembar yang berjumlah \$BND147.5 juta berkenaan dapat berjalan mengikut jadual yang

disediakan serta menyediakan perumahan yang diperlukan.

Di samping pembinaan sebanyak 1,500 buah rumah itu, projek berkenaan juga menyaksikan penyediaan ruang bagi pembinaan kemudahan-kemudahan awam yang diperlukan termasuk sekolah, masjid, kemudahan komersial, pusat kemasyarakatan, taman permainan dan rekreasi dimana kemudahan-kemudahan itu akan dibina oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sementara itu, projek perumahan di Kampung Mangkubau, Mentiri pula merupakan pembinaan sebanyak empat ribu buah rumah dengan kontraktor utama bagi projek yang bernilai BND 388 juta adalah UEM Builders Berhad, Malaysia yang mana projek itu bermula pada Februari 2010 dan akan siap pada hujung Mac nanti.

Projek itu dipercayai bukan sahaja akan membantu menangani permintaan perumahan yang meningkat negara tetapi juga akan memberikan manfaat kepada komuniti perniagaan setempat dengan meningkat jumlah penduduk di kawasan berkenaan serta kehadiran pelbagai kemudahan komuniti yang boleh digunakan bersama yang dibawa masuk bagi skim perumahan berkenaan.

Projek itu merangkumi pembinaan sebanyak empat ribu buah rumah iaitu sebanyak 2,400 buah rumah jenis teres dan 1,600 buah rumah berkembar, kerja-kerja tanah, pembinaan jalan, pembentungan, tangki simpanan air, rangkaian bekalan elektrik, sistem telekomunikasi fiber optik serta landskap di dalam kawasan skim

perumahan, kawasan-kawasan kemasyarakatan dan juga taman-taman riadah.

Pembinaan projek-projek perumahan itu bermatlamat untuk memenuhi visi negara untuk menyediakan kualiti kehidupan yang tinggi kepada rakyat dan penduduk negara supaya berada dalam kalangan 10 terbaik di dunia selaras dengan matlamat Wawasan 2035.

Projek itu juga dipercayai mampu untuk membawa keuntungan kepada perniagaan-perniagaan tempatan

dengan jumlah penduduk setempat yang meningkat apabila orang ramai berpindah masuk ke perumahan berkenaan, memberikan kemudahan kepada masyarakat sekeliling dan yang sedia ada apabila kemudahan-kemudahan awam yang akan dibina boleh digunakan bersama serta akan membantu untuk meningkatkan nilai tanah di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan meningkatnya jumlah perniagaan tempatan, kemudahan awam serta kemudahan infrastruktur tambahan.

PROJEK itu merangkumi pembinaan sebanyak empat ribu buah rumah iaitu sebanyak 2,400 buah rumah jenis teres dan 1,600 buah rumah berkembar, kerja-kerja tanah, pembinaan jalan, pembentungan, tangki simpanan air, rangkaian bekalan elektrik, sistem telekomunikasi fiber optik serta landskap di dalam kawasan skim perumahan, kawasan-kawasan kemasyarakatan dan juga taman-taman riadah.





چابران دالم ملقسناكن حكوم قانون جناية شرعية

سميغتن تودوهن سيكيي هان لاهير درقد مريك يڭ جاهل تتڭ
أوندڭ ۲ إسلام اتو مريك يڭ سفهاج مېوتاكين مات دان هاتي انتوق مليهت
كؤيندهن أوندڭ ۲ إسلام. سېرن اف فون بنتوق توهمن ۲ ايت، اي اداله
كلوار دري مولوت دان دادا مريك يڭ تيدق مڭرتي تتڭ إسلام.

كتهيله بهوا أوندڭ ۲ إسلام اداله لڭكف دان ميلوروه دالم سموا
أسقيق كهيدوقن مأنسي. أوندڭ ۲ إسلام مقاتور سلوروه كهيدوقن مأنسي
بايك سحارا ليندييدو، بركلوارك، برمشاركة، برنكارا سرت مقاتور
هوبوغن سمام مأنسي، هوبوغن دغن الله سبحانه وتعالى، هوبوغن دغن
عالم دان مخلوق ۲ يڭ لاین. ليه جاوه لاكيي أوندڭ ۲ إسلام جوک مقاتور
هوبوغن أنتارا رعية دغن قمرينته، اورڭ ۲ إسلام دغن يڭ بوكن إسلام، نكارا
دغن نكارا دان دنيا دغن أخيرة.

جلسن أوندڭ ۲ إسلام جوک تيدق ترباس انتوق سوات قوم سهاج،
دان تيدق ترباس انتوق سوات ماس يڭ تربتو سهاج، دان تيدق ترباس قد
سوات عمة بهكن أوندڭ ۲ الله سبحانه وتعالى اين سسوي أنتوق سموا قوم،
سموا عمة، سموا كادان دان زمان. أوندڭ ۲ إسلام تيدق لوفوت دتلن زمان
دان تيدق بوله برويه سرت تيدق بوله داوبه والوقون حكوم ۲ جابهن
موڭكين سهاج برويه.

اداله منجادي توكن دان كواجقن كيت سموا انتوق ملقسناكن
أوندڭ ۲ إسلام اين دان تيدق واجر باكي كيت مترما سهاكين درقد
أوندڭ ۲ إسلام دان منولي اتو مقاباين سهاكين يڭ لاین. الله سبحانه
وتعالى تله مڭرتيكن اكر كيت مڭيكوت سرت قاتوه دان طاعة ترهادف
فريتتهن، سباكيمان فرمانن دالم سورة الأعراف آية ۳:

تفسير:

ليكوتله واهي مأنسي اف يڭ تله دتورونكن كقد كامو دري توهن
كامو دان جاخله كامو مڭيكوت قميقين ۲ سلاين. سديكيت بتر
كامو مقمبل قريقاتن.

اد فون كفاتوهن ترهادف أوندڭ ۲ إسلام اداله كواجقن يڭ تيدق
بوله دهاينكن. كولوغن مؤمن سېرن إلهه مريك يڭ طاعة دان قاتوه كقد
فريتته الله سبحانه وتعالى دان رسولن، مريك مترما دان ملقسناكن
أوندڭ ۲ إسلام ايت سقنوهن تنقا راكو دان شك. فرمان الله سبحانه
وتعالى دالم سورة المائدة آية ۴۴:

تفسير:

أوله ايت جاخله كامو تاكوت كقد مأنسي تان تاكوتله كقد كو دان
جاخله قول كامو مڭكوناكن آية ۲ كو سباكي هرك انتوق مېلي كليهن ۲ يڭ
سديكيت قاتلن. سسيف يڭ تيدق متفكن حكوم مڭيكوت اف يڭ تله
دتورونكن اوله الله مك مريك ايتله اورڭ ۲ كافر.

مسلمين يڭ درحمتي الله،

سباكي أومة إسلام دنكارا اين، اداله واجر كيت مېيوت بايك دان
منجنجوخ تيفكي تيه كباوه دولي يڭ مها مليا قادك سري بكندا سلطان
دان يڭ دفتوتان نكارا بروني دارالسلام أنتوق مفاڭكت دان منجاديكن
حكوم شرع دالم فراوندغن دان سيستم كحاكيمان نكارا، كران دغن اذان
أوندڭ ۲ اين بوكن سهاج مروفاكن كحاياي بسر باكي سيستم فراوندغن،
بهكن جوک راج، نكارا دان رعية اكن درحمتي الله سبحانه وتعالى دنيا دان
دأخيرة. سافله كيت دهقان الله سبحانه وتعالى انتوق تيدق ملقسناكن
سكل فريتتهن. سام له كيت موهن كحضرة الله سبحانه وتعالى اكر
مودهكن كيت انتوق ملقسناكن حكوم قانون جناية شرعية دنكارا اين،

مدهداهن دغن كتولوسن دان كإخلاصن كيت دالم منطاعتي فريتته الله
سبحانه وتعالى، نكارا كيت اكن ستهاس منداقة رحمة دان مڭفيرة الله
سبحانه وتعالى سرت منداقة كامانن دان كسجهزان دان كمموران. آمين
يا رب العالمين.

تفسير:

دان كالوله قندودوق مسبواه نكري ايت برلمان دان برتقوي، تتوله
كامي اكن مليقهكن كقد مريك بركة دري لاڭيت دان بومي تان مريك
مندوستاكن رسول ۲ كامي لالو كامي تيمفاكن مريك دغن عذاب دسپكن
اف يڭ مريك تله أوسهاكن.

واهي قوم مسلمين يڭ درحمتي الله،

ماريله كيت منيڭكن كتقوان كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن
قنوه كيقين دان كإخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهن دان منيڭكن
سكل لاراڭتن. مدهداهن كيت منجادي انسان يڭ برتقوي دان برلمان
سرت سلامة دنيا دان سلامة دأخرة.

مسلمين يڭ درحمتي الله،

كيت أمة برشكور كحضرة الله سبحانه وتعالى يڭ تله مڭورتاكن كيت
دغن نعمة يڭ مليقه رواء، دأنتارا نعمة ۲ ايت إلهه نعمة إسلام. إسلام اداله
أكام مسجها، أكام كامانن دان كدامين. سسوي دغن نامن " إسلام " يڭ
برآرتي سلامة، مسجها، أمان دان داني. دأنس داسر ايله إسلام مقاتور
هوبوغن أنتارا سمام مأنسي، بقسا دان نكارا دغن داساسكن كقد كونيف
حيثا كقد كدامين دان كسجهزان.

كيت جوک برشكور كران تله دتقديركن هيدوق دالم سبواه نكارا
إسلام دان برناوڭ دباوه قمرينتهن سورڭ راج يڭ سافه منيڭيركن آجارن
دان فكتن أكام إسلام. كيت منجنجوخ كاسيه ستيڭكي ۲ كهداقن مجلس
كباوه دولي يڭ مها مليا قادك سري بكندا سلطان دان يڭ دفتوتان نكارا بروني
دارالسلام يڭ تله منيڭكن بهوا فريتته قانون حكوم جناية شرعية 2013
دكيزيكن برمولا 22 أكتوبر 2013. دغن تيه يڭ سافه ۲ برسجهاه اين إن
شاء الله اكن مڭوكوهكن لاكيي كندودوقن دان كويواون أكام إسلام دنكارا
اين.

سلاكو رعية دان قندودوق دنكارا اين، ماريله سام ۲ كيت مڭري
سوكوشن دان كرجسام دالم فلقسنان حكوم قانون جناية شرعية دمي أنتوق
مندافة كريضان الله سبحانه وتعالى. والوباكيمان فون، دالم أوسها كيت أنتوق
مرياليساين فلقسنان فريتته قانون حكوم جناية شرعية اين،
تردافة جابران يڭ كيت هدائي. أخير ۲ اين تردافة برفا كومين ۲ درقد مريك
يڭ جاهل تتڭ أكام إسلام يڭ ترڭ ۲ غن مڭرسوالكن فلقسنان حكوم قانون
جناية شرعية دنكارا اين.

كباوه دولي يڭ مها مليا قادك سري بكندا سلطان دان يڭ دفتوتان نكارا
بروني دارالسلام اد برتته سقنا سميوتن هاري كفسنان ك ۳۰ تاهون يڭ بارو
لالو، أنتارا تيه بكندا إلهه:

" قد ماس اين، سوده مولا تردافة قرجويان درقد قيهق ۲ تربتو انتوق
مڭهاسوت حتراسي ماس كيني باكي مڭرسوالكن، دان سكالتي كوس تيدق
ميوكوڭ فلقسنان حكوم قانون جناية شرعية دنكارا اين. مريك ايت
مڭكوناكن سالورن ۲ دنيا بارو سقرت لامن ۲ ويب (web)، blog،
aplikasi whatsapp دان ساومقامن. اين بوكن سهاج دأكسيس اوله
رعية عمتن، مامن جوک قيهق لوار نكارا.

سموا اين، تيدق شك لاكيي اداله جابران، عاصن جابران ترهادف
حتراسي بارو كيت. مريك ايت قرو مڭقوي قنديرين قواء، سلارس دغن
داسر ۲ نكارا. مريك تيدق بوله سام سكالتي دقاروي اوله عناصر ۲ يڭ تيدق

برتقوشجواب، يڭ لڭفون مليهت دالمن كيت كوجر كاجير، اتو برتلاڭه سمام
سنديري، سرت تيدق مڭمرماتي كتوا دان كراجان.

دسميڭ مڭرسوالكن فلقسنان فريتته قانون حكوم جناية شرعية،
كولوغن اين جوک عمتن ۲ سوده اد يڭ جويها ۲ مڭهينا راج، مڭهينا علماء
دان مڭهينا حكوم شرع. فركارا اين داڭه دهيدو ملاوي قباكي أوشكاكن
مريك اقبيل مريك ايت مېيوت تتڭ راج، تتڭ علماء دان تتڭ حكوم شرع.

سموا اين اداله جابران كقد قيهق ۲ قفواتكوس أوندڭ ۲، عاصن مريك
يڭ سحارا لفسوڭ بركلين دغن فريتته حكوم قانون جناية شرعية. ايت
تيدق شك لاكيي، اداله جنيس ۲ جنايه دباوه قفكل كسانن ۲ عام. مريك
اين تيدق بوله دياركن برتروسن ملاكوكن قفهيان ۲ ايت، تانني جك بتول
اد أنسور يڭ ملايكن مريك دباوا كمحكمة، ملك فاسا قرتام فلقسنان
فريتته قانون حكوم جناية شرعية قد بولن أفريل اين، اداله سافه ريلين
باكي مريك "

مسلمين يڭ درحمتي الله،

اد فون دأنتارا كومين ۲ مريك يڭ جاهل ترسبوت إلهه اد يڭ مندوعا بهوا
أوندڭ ۲ شرعية اين كجم دان تيدق اد كعاديلن، سوده لافوق دان تيدق
سسوي لاكيي دصمك دالم إيرا كاماجوان هاري اين. اد جوک يڭ برقدافة
بهوا أوندڭ ۲ اين بلوم تيبا لاكيي ماسن انتوق دلقسناكن دان برماجم ۲ لاكيي
كومين نيكايف برهوبوڭ دغن فلقسنان حكوم قانون جناية شرعية اين.

32 firma undang-undang beroperasi di negara ini

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Upacara Pembukaan Tahun Undang-Undang 2014, berlangsung, pagi tadi di Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan kawalan kehormatan terdiri daripada Pasukan Polis Diraja Brunei oleh Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli.

Yang Amat Arif dan para tetamu kemudian berkumpul di Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar bagi Majlis Perasmian oleh Ketua Hakim Negara diikuti ucapan Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh dan Yang Di-Pertua Pertubuhan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Awang Mohamad Rozaiman bin Dato Seri Laila Jasa Abdul Rahman.

Pada majlis itu Yang Di-Pertua Pertubuhan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dalam ucapannya berkata, ketika ini terdapat sebanyak 32 firma undang-undang di Negara Brunei Darussalam melibatkan 111 peguambela.

Menurutnya, 54 daripada peguambela atau peguamcara (Advocates and Solicitors) terdiri daripada rakyat Negara Brunei

Darussalam atau penduduk tetap negara ini.

Pada masa ini katanya, keramaian graduan menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semakin meningkat.

Sehubungan itu beliau berharap agar UNISSA dimasukkan dalam senarai kelayakan alternatif untuk kemasukan di bawah Akta Profesion Undang-Undang, Bab 132 bagi membolehkan graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang UNISSA diterima masuk ke Badan Peguam Brunei.

Selain itu ujamnya, ia juga bertujuan agar para graduan yang berjaya menamatkan pengajian di universiti tempatan mempunyai pilihan sama ada bekerja dengan Pejabat Peguam Negara (PPN), jabatan kerajaan yang lain atau menyertai sektor swasta untuk mengasah kemahiran mereka.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), diplomat-diplomat, Setiausaha-Tetap dan Timbalan Setiausaha-Tetap.

Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Kehakiman Negara dan ketua-ketua jabatan kerajaan, Hakim Mahkamah Perantaraan, Pendaftar dan Majistret Mahkamah Agung, Hakim Mahkamah

Rendah Syariah, Timbalan Pendakwaraya Jabatan Peguam Negara, peguam-peguam persendirian dan kakitangan Jabatan Kehakiman Negara serta pelajar-pelajar dan guru-guru.

Majlis ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Mahkamah Sivil pada suku pertama setiap tahun.

Pembukaan Tahun Undang-Undang membuka peluang kepada Peguam Negara dan Persatuan Undang-Undang memberi cadangan untuk tindakan atau rancangan yang akan dilaksanakan sepanjang tahun.

Di samping itu ia juga menyediakan peluang untuk pengamal undang-undang khususnya Peguam Negara dan Persatuan Undang-Undang membentangkan laporan tahunan kepada orang ramai.



KETUA Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli semasa hadir pada Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2014 berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan.



KETUA Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli sebelum memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri daripada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kes jenayah yang didaftarkan Kes jenayah tahun 2013 meningkat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli menjelaskan, sebanyak 41 kes jenayah didaftarkan di Mahkamah Tinggi dalam tahun 2013 berbanding 28 kes pada 2012, manakala 83 kes sivil difailkan di Mahkamah Tinggi pada tahun 2013 berbanding 97 kes pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, rayuan-rayuan sivil daripada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Perantaraan kepada Mahkamah Rayuan pada tahun 2013 berjumlah 11 kes iaitu kurang satu kes daripada tahun 2012, manakala rayuan jenayah ke Mahkamah Rayuan pada tahun 2013 adalah sebanyak 15 rayuan, iaitu kurang empat rayuan daripada tahun 2012.

Yang Amat Arif menerangkan statistik tersebut semasa berucap pada Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2014, berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Menurut Yang Amat Arif, terdapat tiga kes yang membawa hukuman mati di hadapan Mahkamah Tinggi pada tahun 2013 iaitu dua kes bunuh dan satu kes dadah yang sedang dibicarakan.

Sementara itu, Pejabat Pendaftaran Perkahwinan Sivil pada tahun 2013 telah mendaftarkan sebanyak 89 perkahwinan.

Mengenai kes kebankrapan, Yang Amat Arif menjelaskan, sebanyak 338 notis telah diterima dalam tahun 2013, iaitu kurang 323 notis daripada tahun 2012, sementara 919 Perintah

Penerimaan telah dibuat pada tahun 2013, iaitu 258 perintah lebih banyak daripada tahun 2012, dan 67 Perintah Penghakiman telah dibuat pada tahun 2013 iaitu 16 perintah lebih banyak daripada tahun sebelumnya.

Manakala kes-kes jenayah yang diambil daripada statistik Mahkamah Rendah pula, ujar Yang Amat Arif, mencatatkan sebanyak 1,770 kes didaftarkan di Bandar Seri Begawan (BSB), (kurang 219 kes daripada tahun 2012); 574 kes didaftarkan di Kuala Belait (278 kes lebih daripada tahun 2012); 82 kes didaftarkan di Tutong (69 Kes kurang daripada tahun 2012) dan tidak ada kes didaftarkan di Daerah Temburong.

Dalam ucapannya, Yang Amat Arif turut menyentuh mengenai jumlah permohonan yang dibuat di bawah Akta Gila di Mahkamah BSB iaitu 61 pada tahun 2013 dan 79 dalam tahun 2012, sementara di Mahkamah Kuala Belait pula tidak ada permohonan dibuat pada tahun 2013 berbanding 10 permohonan pada tahun 2012, manakala Mahkamah Tutong dan Mahkamah Temburong pula tidak ada permohonan dibuat bagi kedua-dua tahun 2013 dan 2012.

Yang Amat Arif menyatakan, jumlah hasil yang diperolehi pada tahun 2013 berjumlah BND5,430,245.55 berbanding BND6,810,368.73 pada tahun 2012.

Menurut Yang Amat Arif, Mahkamah Juvana akan berterusan melihat bahawa adanya potensi untuk berubah dalam diri setiap anak muda dan peranan mahkamah adalah untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya bagi membantu mereka

berbuat demikian.

"Mencapai satu keseimbangan antara pencegahan dan perlindungan awam serta pembaharuan dan pengintegrasian semula juvana masih menjadi objektif yang diusahakan untuk dicapai oleh Mahkamah Juvana," ujamnya.

Dalam hubungan ini, Yang Amat Arif menekankan akan pentingnya latihan bagi pegawai-pegawai kehakiman umumnya dan kepentingan latihan khusus bagi hakim-hakim pakar dan majistret-majistret seperti Majistret Mahkamah Juvana untuk menangani kes-kes mereka.

Daripada 23 kes yang didaftarkan di Mahkamah Juvana BSB, sembilan kes adalah Permohonan Di Luar Kawalan Ibu Bapa, empat kes permohonan di bawah Perintah Perlindungan Kanak-Kanak, lima kes Lalu Lintas Juvana dan lima kes Tangkapan Juvana didaftarkan pada tahun 2013 berbanding 22 kes pada tahun 2012.

Menyentuh mengenai Mahkamah Tentera pula, Yang Amat Arif melaporkan bahawa dua kes telah dirujuk ke Badan Kehakiman (Judiciary) baru-baru ini oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi memohon bantuan kepada Hakim Peguam untuk prosiding ke Mahkamah Tentera.

Menurut Yang Amat Arif, profesion guaman masih menjadi salah satu profesion tradisional di dunia.

Oleh itu jelasnya, pada zaman ini dengan memberikan pertimbangan yang wajar untuk menyelamatkan alam sekitar antara lain, litigasi tanpa kertas telah menjadi satu objektif yang perlu dicapai oleh Badan Kehakiman.

Pada majlis tersebut, Yang Amat Arif turut memaklumkan bahawa pelaksanaan Sistem Pengurusan Kes Kehakiman (Judicial Case Management System - JCMS) akan



SEBAHAGIAN jemputan yang hadir pada Upacara Pembukaan Tahun Undang-Undang 2014 berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (atas, bawah).



dimulakan pada tahun ini yang akan memperkenalkan konsep E-Pemfailan (E-Filing) dalam sistem undang-undang.

Para pengguna mahkamah, jelasnya, akan dapat memfail, memproses, mendapatkan semula, menyampaikan, mencabut dan menyimpan secara elektronik semua dokumen yang menjadi sebahagian daripada mana-mana prosiding mahkamah.

Yang Amat Arif berharap agar kemajuan ini akan mengurangkan tunggakan dan kelambatan dalam mengendalikan kes-kes dan membe-

rikan pengguna mahkamah sistem yang boleh digunakan semuanya.

Dalam ucapannya, Yang Amat Arif turut menekankan tentang keperluan penyediaan peruntukan bagi pewujudan jawatan-jawatan serta pengambilan pekerja kakitangan teknikal bertujuan untuk mewujudkan Unit Teknologi Maklumat dalam jabatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak Badan Kehakiman.

Selain itu tambahnya, kemajuan teknologi bagi profesion guaman akan banyak membawa kebaikan kepada para pengguna mahkamah.

Bangunan baru Jabatan Buruh siap dibina

Berita dan Foto :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), melakar satu lagi sejarah apabila jabatan berkenaan mempunyai bangunan sendiri yang akan mula digunakan sedikit masa lagi.

Majlis Penyerahan Kunci Bangunan Baru Ibu Pejabat Jabatan Buruh diadakan bertempat di hadapan pintu masuk utama bangunan berkenaan, di Jalan Dewan Majlis, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan majlis penyerahan anak kunci itu ialah Setiausaha Tetap KHEDN, Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah disusuli penyerahan replika anak kunci daripada wakil pemborong, Awang Bakir bin Haji Jaludin kepada Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Ketua Pengarah Kerja Raya kemudian menyerahkan replika anak kunci tersebut kepada tetamu kehormat yang seterusnya menyerahkan kepada Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Rani bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Bangunan Jabatan Buruh yang baru itu mempunyai reka bentuk moden dan sangat menarik sebagai mercu tanda jabatan tersebut sekali gus menggambarkan hasrat dan komitmen untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

Pelaksana dan arketik bagi projek yang dibina di atas tapak seluas 4.7 meter persegi itu ialah Jabatan

Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya.

Konsultan bagi 'Civil dan Electrical' dilaksanakan oleh HAHD Engineering Associates, Konsultan Mekanikal dan Elektrikal oleh Jurutera OMC, Juruukur Bahan oleh Hanafi Konsultan, manakala Kontraktor ialah BDR Sendirian Berhad.

Projek menelan belanja BND6.8 juta dan siap pada penghujung bulan Ogos 2013 itu termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-9 (2007-2012).

Tingkat bawah bangunan empat tingkat itu dikhususkan untuk memberikan keselesaan kepada orang ramai membuat pelbagai urusan di kaunter-kaunter perkhidmatan seperti mendapatkan lesen, pas kerja dan sebagainya.

Selain itu, tingkat yang sama juga akan menyediakan ruang untuk disewakan kepada syarikat-syarikat berkaitan seperti ejen-ejen insurans, ejen pekerjaan, perkhidmatan fotokopi dan sebagainya termasuk surau.

Sementara tingkat satu pula menempatkan *theater* untuk kemudahan memberikan taklimat kepada orang ramai mengenai undang-undang, peraturan, prosedur Jabatan Buruh yang sedia ada atau yang baru.

Orang ramai juga akan disediakan tempat yang selesa untuk membuat sebarang aduan mengenai perburuhan di tingkat dua bangunan tersebut.

Bangunan baru Ibu Pejabat Jabatan Buruh itu, akan menjadi pemangkin untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada orang ramai serta pihak-pihak yang

berkepentingan dalam pelaksanaan tugas yang dipertanggungjawabkan bagi keperluan dan kemajuan negara, bangsa dan agama.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menyerahkan replika anak kunci tersebut kepada Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Jabatan Buruh, KHEDN, Awang Haji Rani bin Begawan Pehin Khatib Dato Siraja Seri Setia Haji Yusof.



Jalin kerjasama banteras jenayah, gejala sosial

akar umbi.

Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis dalam taklimatnya menerangkan tentang kepentingan Pengawasan Kejiranan Kampung, selaku pertubuhan sukarelawan yang dianggotai oleh anak-anak buah kampung, bukan sahaja sebagai pendekatan melibatkan orang ramai dalam sama-sama mencegah dan membanteras jenayah di kampung masing-masing tetapi juga boleh mengeratkan lagi kerjasama orang awam dengan PDB.

Beliau juga menerangkan tentang tanggungjawab orang ramai dalam sama-sama menjaga keamanan dan keselamatan serta mencegah jenayah dengan memberikan kerjasama

kepada PDB dengan memberi atau menyalurkan maklumat kegiatan jenayah di kawasan masing-masing.

Peranan penghulu dan ketua kampung sangat diharapkan dan sentiasa dihargai dalam memberi bantuan dan kerjasama ke arah menangani isu-isu sosial dan membanteras kegiatan jenayah.

Turut memberikan penjelasan mengenai persoalan yang dikemukakan oleh penghulu dan ketua kampung ialah Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Penguasa Kanan Pengiran Haji Zainal Abidin bin Pengiran Haji Mohd. Yassin dan Ketua Pejabat Urusetia Pesuruhjaya Polis, Penguasa Kanan Sharazuddin bin Haji Masri.

Dinaikkan ke jawatan Penguasa Bomba

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mahadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Seorang Pegawai Kadet Bomba dan Penyelamat, Awang Abdul Hadi Zulfadli bin Haji Yahya, menerima tanda pangkat Penguasa Bomba berlangsung di Mes Pegawai, Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), di sini.

Hadir bagi menyampaikan tanda pangkat tersebut ialah Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman.

Juga hadir ialah Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan; penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, pegawai, anggota serta kakitangan JBP.

Penguasa Bomba Awang Abdul Hadi Zulfadli dilahirkan pada 2

Januari 1988 dan merupakan anak bongsu daripada 13 orang adik-beradik.

Beliau mendapat pendidikan awal di kedua-dua buah sekolah rendah dan meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah peringkat menengah serta melanjutkan pengajian di Universiti Brunei Darussalam dengan mendapat kelulusan Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) sebelum menceburkan diri dalam kerjaya bomba.

Awang Abdul Hadi Zulfadli mula berkhidmat di JBP pada 25 Februari 2013 dan mengikuti latihan pegawai kadet di Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat selama beberapa bulan.

Pada 22 Julai 2013, Penguasa Bomba Awang Abdul Hadi Zulfadli dihantar mengikuti 'Rota Commander Course' di Akademi Pertahanan Awam Singapura (SCDA) selama tujuh bulan yang berakhir pada 28 Februari 2014 lalu.

Kursus yang beliau ikuti di SCDA ini lebih menjurus kepada bidang operasi dan menjadikan latihan kebombaan sebagai aktiviti harian bagi meningkatkan kecergasan dalam menempuhi latihan kebombaan yang mencabar baik dari segi fizikal dan mental.



PENGARAH Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman menyempurnakan kenaikan Tanda Pangkat Penguasa Bomba kepada Pegawai Kadet Bomba dan Penyelamat Awang Abdul Hadi Zulfadli bin Haji Yahya.

Majlis Tahlil sempena sambutan ke-60 tahun Jabatan Penjara



MAJLIS Bertahlil di Kubah Makam Diraja, di sini yang dikhususkan bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit sempena Sambutan Ke-60 Tahun Penubuhan Jabatan Penjara.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Beberapa kegiatan keagamaan dan kebajikan bagi meraikan Sambutan Ke-60 Tahun Penubuhan Jabatan Penjara telah disusun yang antaranya mengadakan bacaan Surah Yaa Siin dan tahlil.

Majlis berlangsung di Kubah Makam Diraja, di sini yang dikhususkan bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Antara yang hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarsah, selaku tetamu kehormat. Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat.

Bacaan Surah Yaa Siin dan tahlil telah dipimin oleh Guru Ugama Penjara Jerudong, Awang Haji Ishkandar bin Haji Buntar.

Kira-kira 200 para pegawai dan berbagai pangkat anggota jabatan tersebut hadir.

Jabatan Penjara ditubuhkan pada 1 Mac 1954 yang sekarang telah berkembang sejajar dengan pembangunan negara.

Lampiran A

**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**
BIL TAWARAN : (5) JBS/ADM/UP/2014

Peti Sebutharga,
Tingkat 4,
Jabatan Belia dan Sukan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BA 1211
Negara Brunei Darussalam.

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak Lewat Jam 2.00 Petang
(031) JBS/ADM/QC/2014	PROPOSED SUPPLY AND DELIVERY OF NEW ADDITIONAL SOUND SYSTEM ACCESSORIES FOR MAINTENANCE UNIT.	\$5.00	26 MAC. 2014
(039) JBS/ADM/QC/2014	SUPPLY AND INSTALL ADDITIONAL CCTV SYSTEM AND REPAIR THE EXISTING SYSTEM AT HASSANAL BOLKIAH NATIONAL STADIUM.	\$5.00	26 MAC. 2014
(040) JBS/ADM/QC/2014	SUPPLY AND INSTALL NEW CCTV SYSTEM AT TRACK AND FIELD, HBNSC AND REPAIR CCTV SYSTEM AT SWIMMING POOL, HBNSC.	\$5.00	26 MAC. 2014
(041) JBS/ADM/QC/2014	SUPPLY AND INSTALL NEW CCTV SYSTEM AND REPAIR THE EXISTING CCTV SYSTEM AT YOUTH CENTRE, BANDAR SERI BEGAWAN.	\$5.00	26 MAC. 2014
(042) JBS/ADM/QC/2014	SUPPLY AND INSTALL NEW CCTV SYSTEM FOR YOUTH PARK AT HASSANAL BOLKIAH NATIONAL STADIUM AREA.	\$5.00	26 MAC. 2014
(043) JBS/ADM/QC/2014	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAKAIAN SERAGAM BAGI PENYELAMAT KOLAM RENANG JABATAN BELIA DAN SUKAN..	\$5.00	26 MAC. 2014
(044) JBS/ADM/QC/2014	SUPPLY AND INSTALL RUGBY GOAL POST & CORNER FLEX POLE AT SUNGAI KEBUN SPORTS COMPLEX.	\$5.00	26 MAC. 2014
(045) JBS/ADM/QC/2014	SUPPLY AND INSTALL SOCCER GOAL POST AT SUNGAI KEBUN SPORTS COMPLEX.	\$5.00	26 MAC. 2014
(046) JBS/ADM/QC/2014	SUPPLY AND DELIVER : EURO LANDING AREA, WEATHERPROOF COVER, WHEELAWAY SHELTER, ALUMINUM PLATDOR AND STAND.	\$10.00	26 MAC. 2014
(047) JBS/ADM/QC/2014	SUPPLY AND DELIVER TO JABATAN BELIA DAN SUKAN POLE VAULT COMPLETE SET.	\$10.00	26 MAC. 2014

Tarikh Tutup : 24 Jamadilawal 1435
26 Mac. 2014 (Hari Rabu)
Jam : Tidak Lewat Jam 2.00 Petang
Cagaran : Seperti yang dinyatakan pada Keterangan Sebutharga -
Bagi setiap satu dokumen (Tidak dikembalikan)

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 Januari 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **8 Mac 2014, jam 10.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mac 2014, jam 10.00 pagi**.
Bertarikh : 4 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 141 TAHUN 2013
BIBD BHD**

**... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs**

**AK. MOHAMMAD IRWAN BIN PG. HAJI
ZAINAL
(BPIC NO. 00-268065)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **9 Januari 2014**

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**AK. MOHAMMAD IRWAN BIN PG. HAJI
ZAINAL**
Lot. 1100, Jalan Lubok Jelutong,
Kuala Belait KA3113
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: 12 September 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 Januari 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai

perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **8 Mac 2014, jam 10.15 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mac 2014, jam 10.15 pagi**.
Bertarikh : 4 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 266 TAHUN 2013
BIBD AT TAMWILBHD**

**... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs**

**MARTINAH BINTI ABDULLAH
(BPIC NO. 00-061562)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **11 Januari 2014**

Nama dan alamat terakhir diketahui: **MARTINAH BINTI ABDULLAH**
No. 33, Simpang 124-14/766-302, Kampung Keluyoh Sungai Liang Kuala Belait Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: 16 November 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Januari 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **6 Mac 2014, jam 10.15 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **6 Mac 2014, jam 10.15 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **5 Mac 2014, jam 10.15 pagi**.
Bertarikh : 4 Februari 2014

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI
BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 228 TAHUN 2011
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**OTHMAN BIN HAJI SISA
(BYIC No. 00-270043)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 Jun 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
OTHMAN BIN HAJI SISA
No. 651, Kampung Panchor Murai,
Jalan Kulapis, Mukim Pengkalan Batu,
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 25 Ogos 2011

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 Jun 2013**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **5 Mac 2014, jam 10.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **5 Mac 2014, jam 10.00 pagi**.
Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 451 TAHUN 2012
BIBD BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**SUHAIMI BIN HAJI SIMPON
(BYIC No. 00-122691)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 April 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
SUHAIMI BIN HAJI SIMPON
No. 731, Jalan Labu, Kampung Negalang
Ireng, Temburong PD2751
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 29 Disember 2012

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 April 2013**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **5 Mac 2014, jam 2.30 petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **5 Mac 2014, jam 2.30 petang**.
Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 602 TAHUN 2012
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**HAJI MASWADI BIN HAJI ISMAIL
(BYIC No. 00-273175)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Jun 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HAJI MASWADI BIN HAJI ISMAIL
c/o Bahagian Pampasan, Keselamatan dan
Kesihatan, Pejabat Buruh
Jalan Menteri Besar, BB3913
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 10 April 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Jun 2013**.

Jun 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **5 Februari 2014, jam 9.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **5 Februari 2014, jam 9.00 pagi**.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 76 TAHUN 2011
BAIDURI BANK BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**1. AWANGKU MOHAMAD HAFIZ BIN
PG. HAJI ABD. TALIP (BYIC
NO.00-309199)**

**2. PG HAJI ABD. TALIP BIN PG. HAJI
LAMPOH (BYIC No.00-056520)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 Oktober 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**1. AWANGKU MOHAMAD HAFIZ BIN
PG. HAJI ABD. TALIP (BYIC
NO.00-309199)**

**No. 1, Jalan 77, Simpang 187-21,
Dejat Terrace,
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
2. PG HAJI ABD. TALIP BIN PG. HAJI
LAMPOH (BYIC No.00-056520)**
**No. 8, Simpang 35, Jalan 99,
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
BC2515**
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 9 Julai 2011

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 Oktober 2013**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **26 Februari 2014, jam 10.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Februari 2014, jam 10.00 pagi**.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 252 TAHUN 2012
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**HAJI NORDIN BIN HAJI ZAIMIN
(BYIC No. 00-128246)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Jun 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HAJI NORDIN BIN HAJI ZAIMIN
**No. 703 'A', Kampung Masin,
Jalan Mulaut, Limau Manis
Negara Brunei Darussalam.**
Tarikh Petisyen : 20 Februari 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 Jun 2013**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **5 Mac 2014, jam 9.30 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **5 Mac 2014, jam 9.30 pagi**.
Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 226 TAHUN 2012
BIBD BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

HAJI MOHD. YASSIN BIN BAGUL

**(BYIC No. 00-054217)
... Penghutang Penghakiman/Penentang**

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 November 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HAJI MOHD. YASSIN BIN BAGUL
**No. 3, Simpang 41, Kampung Kiarong
BE1318**
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 27 Disember 2012

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 November 2013**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **12 Mac 2014, jam 10.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 Mac 2014, jam 10.00 pagi**.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 175 TAHUN 2013
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**TITEK SANDORA BINTI HAJI
JOHARA**

(BYIC No. 00-280976)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 Oktober 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
TITEK SANDORA BINTI HAJI JOHARA
**C16, Banglo MTSSR,
Jalan Muara BC2115**
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 24 September 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **17 Oktober 2013**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **23 Januari 2014, jam 10.15 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 Januari 2014, jam 10.15 pagi**.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 174 TAHUN 2013
BAIDURI FINANCE BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**SURIDAH BINTI HAJI TAHAMID
(BYIC No. 00-111957)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 November 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
SURIDAH BINTI HAJI TAHAMID
**No. 21, Kampung Bintudoh Lamunin,
Tutong TG2343**
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 17 Oktober 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **7 November 2013**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **30 Januari 2014, jam 10.45 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **30 Januari 2014, jam 10.45 pagi**.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 20 TAHUN 2013
BIBD BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**JENNIFER TH'NG KIM YIAN
(BYIC No. 30-105928)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 Jun 2013**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

JENNIFER TH'NG KIM YIAN
**Simpang 502-34, Kampung Beribi,
Jalan Gadong BE1118**
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 16 April 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh pada **20 Jun 2013**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **27 Februari 2014, jam 10.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 Februari 2014, jam 10.00 pagi**.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**SYARIKAT (PENGKULUNGAN) NO. 5
TAHUN 2013**

**DALAM PERKARA AKTA
SYARIKAT BAB. 39**

**DAN
DALAM PERKARA ZI
DESIGNWORKS SDN BHD**

NOTIS PERINTAH PENGKULUNGAN

Nama Syarikat:

ZI DESIGNWORKS SDN BHD

Alamat Pejabat Berdaftar:

Unit 8, 1st Floor,

Bangunan Awang Haji Ibrahim

Jalan Telanai, BA2312

Negara Brunei Darussalam

Tarikh Perintah Pengkulan :

24 Oktober 2013

Tarikh dan Tempat Perjumpaan:

20 Januari 2014 jam 3.15 petang

Pejabat Pegawai Rasmi,

Mahkamah Besar,

Jalan Tutong.

Negara Brunei Darussalam

Bertarikh: 2 Januari 2014

NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA

PEMIUTANG

(Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22 Ogos 2013)

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pertama pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Keadilan pada **20 Januari 2014, jam 3.15 petang**.
Bertarikh : 2 Januari 2014

Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Timbalan Pegawai Penerimaan Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 55 TAHUN 2013
MBA INSURANCE COMPANY SDN
BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs
HO FOO SUN
(BPIC No. 30-103301)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Julai 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HO FOO SUN

No.10, Simpang 185-82-32,
Kampung Katok Tungku, Gadong BE2319
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisysen : 13 Jun 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Julai 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 12 Mac 2014, jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 12 Mac 2014, jam 9.00 pagi.
Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 229 TAHUN 2012
STANDARD CHARTERED BANK**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

AKIT BIN RABAHA
(BYIC No. 00-257622)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Jun 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
AKIT BIN RABAHA

No. 4, Simpang 51-14-6,
RPN Rimba BG3122

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 7 November 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Jun 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 5 Mac 2014, jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 5 Mac 2014, jam 9.00 pagi.
Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 503 TAHUN 2012
BIBD BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

NURUL HANI BINTI HAJI NAYAN
(BYIC No. 00-282027)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 18 Mei 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
NURUL HANI BINTI HAJI NAYAN

No. 4, Kondominium 9090,
Simpang 64-9-15,

Bukit Taman Indah Sempurna Kiulap.
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 9 Februari 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Mei 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 5 Mac 2014, jam 10.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 5 Mac 2014, jam 10.30 pagi.
Bertarikh : 28 Disember 2013

KEBANKRAPAN NO. 429 TAHUN 2012

PERBADANAN TAIB

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

HAJI ASHRI @LINI BIN HAJI APONG
(BYIC No.00-251138)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 20 Jun 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

HAJI ASHRI @ LINI BIN HAJI APONG
No. 37 'B', Kampung Burong Pingai Ayer,
BM1126

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 16 April 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Mei 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 30 Januari 2014, jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 30 Januari 2014, jam 9.00 pagi.
Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO.578 TAHUN 2012
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

MOHD RAMLEE BIN MOHD SAID
(BYIC No.00-071319)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 5 Oktober 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
MOHD RAMLEE BIN MOHD SAID

No. 158, Delima Satu, Jalan Muara,

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 24 September 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 Oktober 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 19 Mac 2014, jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 19 Mac 2014, jam 9.00 pagi.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 578 TAHUN 2012
BIBD AT-TAMWIL BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

EREWAN BIN HAJI SININ
(RBAF No.264512)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 9 Jun 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
EREWAN BIN HAJI SININ

Block 'A', No. 02-02, Manggis, Jalan Muara
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 9 April 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 9 Jun 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 27 Februari 2014, jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 27 Februari 2014, jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO.128 TAHUN 2013
STANDARD CHARTERED BANK**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

Vs

**HAJAH NAZALAWATI BINTI HAJI
UMAR**

(TRADING UNDER THE NAME OR
STYLE OF NAZAHAR ENTERPRISE
(BYIC No.00-263704)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 21 November 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

EREWAN BIN HAJI SININ

Block 'A', No.02-02, Manggis, Jalan Muara
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 9 Oktober 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 November 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 12 Mac 2014, jam 10.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 12 Mac 2014, jam 10.30 pagi.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 03 TAHUN 2013
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

MOHAMMAD HAZRIN BIN KASIM
(BYIC No.00-291202 / ARMY NO.
14925)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 14 November 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

MOHAMMAD HAZRIN BIN KASIM

No. 2, Simpang 637-94,

STKRJ Kampong Lambak Kiri BB1114

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 9 Oktober 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 14 November 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 12 Mac 2014, jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 12 Mac 2014, jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 03 TAHUN 2013
BIBD BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

**DK. OSNIAHADAYANTI PG. HAJI
OTHMAN**

(BYIC No.00-259802)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 24 Oktober 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

DK. OSNIAHADAYANTI PG. HAJI
OTHMAN

No. 8, Simpang 57-10, Jalan 64,

RPN Lambak Daran, Berakas

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 10 April 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh pada 24 Oktober 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 12 Mac 2014, jam 2.30 petang.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 12 Mac 2014, jam 2.30 petang.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 376 TAHUN 2012
STANDARD CHARTERED BANK**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

Vs

**MOHAMMAD KHAIRULLIZAN BIN
MOHD YUSSOF**

(BYIC No.00-306987)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 11 April 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

MOHAMMAD KHAIRULLIZAN BIN
MOHD YUSSOF

LTS. 1772, Simpang 766, Kampung Sungai
Lalit, Lumut, Belait KC2935

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 22 Disember 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh pada 11 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 19 Mac 2014, jam 10.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 19 Mac 2014, jam 10.30 pagi.

Bertarikh : 28 Disember 2013

**KEBANKRAPAN NO. 602 TAHUN 2011
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

**1 .ASPAR BIN HAJI AHMAD (BPIC
NO.31-012759 / BGIC NO.50-676907)**

**2. JULIKA BIN HAJI SARUDIN /
SERUDIN (BYIC No.00-121985)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 9 Jun 2012.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

1. ASPAR BIN HAJI AHMAD (BPIC
NO.31-012759 / BGIC NO.50-676907)

H 11, No.4, Perumahan Bandaran, Kg. Si-
narubai BF2120

2. JULIKA BIN HAJI SARUDIN / SE-
RUDIN (BYIC No.00-121985)

No. 4, Perumahan Bandaran, Kampung

Sinarubai BF2120

No.185, Jalan 77, Kg Perpindahan Lambak

Kanan, Berakas, BC2915

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 3 April 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh pada 9 Jun 2012.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 18 Januari 2014, jam 9.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 18 Januari 2014, jam 9.15 pagi.

Bertarikh : 28 Disember 2013

Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

Pupuk semangat memasyarakatkan budaya membaca

Oleh : Nooratini Haji Abas, Md. Khairulanwar Idris
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Mac. - Bagi menjunjung tithat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang kepentingan dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan khususnya dalam program pembangunan negara.

Sehubungan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Perpustakaan, DBP akan menganjurkan Peraduan Mari Bercerita 2014 yang dibukakan kepada semua kanak-kanak warganegara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 9 hingga 12 tahun pada 31 Mei 2014 dan ahli kepada perkhidmatan perpustakaan DBP.

Oleh itu, DBP mengadakan satu taklimat mengenai format baru Peraduan Mari Bercerita 2014 tersebut bertempat di Pusat Persidangan

Antarabangsa, Berakas, disampaikan oleh Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin.

Dalam format baru peraduan itu, para peserta, katanya, diberi peluang memilih dan membaca tidak kurang dari tiga buah buku cerita dengan menyenaraikan nama judul atau tajuk buku cerita tersebut lebih awal sebelum tarikh peraduan.

Pihak penganjur, jelasnya, juga akan memilih salah sebuah buku dari tiga buah buku yang telah dibaca oleh setiap peserta untuk diperadukan dan setiap peserta juga hendaklah menyediakan sendiri kostum, set pentas dan suara latar yang sesuai dengan cerita dan tidak lari dari konsep bercerita.

Sementara itu, Jurulatih Kanak-Kanak, Awang Haji Pawi bin Haji Tajuddin dalam taklimat tersebut turut menyatakan bahawa pemilihan dijalankan melalui peringkat saringan dan daerah yang mana sepuluh peserta terbaik akan bertanding bagi Peringkat

Negara dan penghakiman akan dinilai dari sudut cerita, bahasa dan interpretasi/penyampaian.

Menyentuh tentang konsep peraduan, beliau menambah ia adalah konsep bercerita dan berlakon dan bukan cerita bergambar, wayang kulit, boneka dan sebagainya.

"Seorang yang akan menyampaikan sebuah cerita kepada penonton itu secara langsung menyampaikannya mengikut gaya dan gerak-geri penuh emosi, ekspresi, intonasi suara dengan mengambil kira watak dan perwatakan dalam cerita dan sebagai seorang pencerita," terangnya.

Pencerita juga, ujarnya, dikehendaki menggunakan Bahasa Melayu *standard* dalam menyampaikan cerita, sementara dialog bagi watak dibenarkan menggunakan dialek/loghat tempatan yang dapat difahami umum.

Peraduan diadakan untuk memupuk semangat membaca sekali gus memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak, di samping menjadikan cerita sebagai sumber inspirasi, imaginasi, inisiatif dan kreativiti semasa menyampaikan cerita.



JURULATIH Kanak-Kanak, Awang Haji Pawi bin Haji Tajuddin semasa memberikan taklimat mengenai format baru Peraduan Mari Bercerita 2014.

Ia juga merupakan projek tahunan DBP bagi membiasakan kanak-kanak petah dan lancar dalam menyampaikan cerita.

Peserta yang ingin menyertai peraduan tersebut hendaklah mengisi borang, disahkan serta ditandatangani oleh ibubapa/penjaga/Guru Besar

dengan menyertakan salinan surat beranak. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar tidak lewat pada Hari Khamis, 20 Mac 2014.

Bagi keterangan lebih lanjut, bolehlah menghubungi Perpustakaan DBP, Bandar Seri Begawan di talian 2235501 atau Fax 2224763.

Penyerahan Poster, barigakan sambutan ulang tahun JBP

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) meraikan Sambutan Ulang Tahunnya yang ke-54 pada 9 Mac 2014.

Dalam usaha membarigakan dan menyemarakkan sambutan ulang tahun jabatan tersebut pada tahun ini telah diadakan Majlis Penyerahan Poster yang berlangsung di Mes Pegawai Ibu Pejabat JBP, Berakas, di sini.

Hadir sama ke majlis penyerahan poster tersebut ialah Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman dan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Majlis bermula dengan penyerahan poster oleh Pemangku Pengarah Penerangan kepada Pengarah Bomba dan Penyelamat sebelum poster-poster tersebut diserahkan kepada wakil-wakil Kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Terdahulu, Penguasa Kanan Bomba Haji Mohammad bin Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Bersama Sambutan Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Ke-54, 2014 berkata, kebakaran boleh terjadi pada bila-bila masa tanpa memilih jenis rumah sama ada di rumah biasa atau rumah mewah kerana selagi ada unsur-unsur yang bertentangan dengan konsep keselamatan maka selagi itulah kemalangan kebakaran di rumah-rumah kediaman akan terus terjadi.

Oleh itu, tegasnya, setiap orang atau sesebuah keluarga mahupun masyarakat di negara ini seharusnya merancang atau mempunyai pelan tindakan kecemasan keselamatan kebakaran sama ada untuk menyelamatkan diri atau memadam

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyerahkan poster kepada Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman.

kebakaran.

Salah satu amalan keselamatan yang terbaik, katanya ialah dengan mengambil langkah-langkah tertentu seperti membuat pemerhatian di sekeliling terutama sekali perlunya mengetahui hala tuju keluar untuk menyelamatkan diri jika berlaku sebarang kebakaran serta mengetahui lokasi letak alat pemadam api sama ada di rumah, tempat kerja, gedung-gedung perniagaan, selain mengetahui cara penggunaannya.

Beliau juga menekankan agar

meletakkan alat pemadam api di tempat yang sesuai dan sentiasa berada dalam keadaan baik.

Semasa berucap Penguasa Kanan Bomba Haji Mohammad juga menjelaskan tentang acara-acara yang akan berlangsung sempena hari ulang tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat tahun ini yang bermula pada 8 Mac 2014 dengan Majlis Doa Kesyukuran dan Khatam Al-Qur'an di Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun.

Produk-produk tempatan berkualiti dipamerkan di Kompleks YSHHB

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Mac. - Pameran Satu Kampung Satu Produk Sempena Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3, hari ini, diteruskan di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Pameran berkenaan antaranya menentengahkan produk-produk tempatan berkualiti yang dihasilkan oleh kampung-kampung yang terpilih bertanding dalam AKC kali ini.

Sebanyak 23 buah kampung terpilih dalam AKC tahun ini menyertai pameran yang dihayati dari segi Aspek Keagamaan, Kebajikan, Kemasyarakatan, Sukan, Kebudayaan dan Keselamatan; Aspek Pengurusan dan Pentadbiran; Aspek Perekonomian (Projek Perekonomian Majlis Perundingan Kampung - MPK); Aspek Pendidikan dan Aspek Keceriaan, Keindahan dan Kebersihan.

Kampung-kampung yang terpilih itu terdiri daripada 10 dari Daerah Brunei dan Muara, lima dari Daerah Belait, empat dari Daerah Tutong dan empat lagi dari Daerah Temburong.

Latar belakang Projek AKC Ke-3 Majlis-Majlis Perundingan Kampung (MMPK) Negara Brunei Darussalam juga dipamerkan.

Pameran tersebut dibahagikan kepada tujuh kategori iaitu Maklumat AKC Ke-3, Projek Aktiviti MPK, Sektor Kraf Tangan, Sektor Pemakanan, Sektor Perkhidmatan, Sektor Pertanian/Ternakan, Sektor Pembuatan dan juga pencapaian produk yang menonjol serta kegiatan dan aktiviti MPK.

Pameran tersebut dibuka kepada orang ramai yang ingin mendapatkan produk-produk tempatan selama tiga hari yang diselenggarakan dengan Regata Brunei Darussalam (RBD) 2014.



AHLI-AHLI Majlis Perundingan Kampung Kulapis dengan produk mereka berupa bahan perubatan tradisional dari alam semula jadi yang dijual pada pameran tersebut.

MAKLUMAN

Perkhidmatan berkhatan musim cuti persekolahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa perkhidmatan berkhatan pada musim pertama cuti persekolahan akan bermula pada 13 Mac hingga 18 Mac 2014.

Orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan berkenaan bolehlah mendaftar di Bahagian Perkhidmatan

Berkhatan, Bangunan Pakar 2 (bersebelahan dengan Bangunan pakar 1), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bermula dari 6 Mac hingga 12 Mac 2014 pada waktu-waktu bekerja.

Orang ramai bolehlah menghubungi pegawai-pegawai penghatan yang bertugas di Unit Berkhatan, Hospital RIPAS pada talian 2242424 sambungan 5801.

Berangkat menyertai Larian Amal Tongkat Putih



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menyertai Larian Amal Sempena Hari Tongkat Putih Sedunia, berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Mac. - Lebih 2,600 peserta menyertai Larian Amal Sempena Hari Tongkat Putih Sedunia yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyertai larian tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang masing-masing menyertai Larian Kategori 5 Kilometer Lelaki

dan Wanita.

Pelepasan Larian Amal Sempena Hari Tongkat Putih Sedunia yang mempertandingkan tujuh kategori disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Pada larian tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah juga berkenan menerima sijil dan pingat penyertaan.

Larian Kategori Terbuka 10 Kilometer Lelaki dimenangi oleh Sifli Ahar dan Yvette Kortekaas menjuarai dalam acara wanita bagi jarak larian yang sama.

Manakala Md. Qamarul Ariffin dan Radiah Mardiah masing-masing menjuarai Kategori Larian 5 Kilometer Lelaki dan Wanita.

Bagi Kategori Orang Berkeperluan Khas Penglihatan dimenangi oleh Kamarul Ariffin bin Haji Gaffar, manakala Haji Md. Rudy Izman bin Haji Badar memenangi Kategori Orang-Orang Berkerusi Roda dan Awangku Putera Md. Amir Jamatil bin Pengiran Metusin menjuarai bagi Kategori Berkeperluan Khas dan Pendengaran.

Larian amal dianjurkan bersama oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (POCPKNBD) dan Syarikat Armatrix Enterprise dengan tujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai dan sektor-sektor korporat



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berkenan menyertai Larian Amal Sempena Hari Tongkat Putih Sedunia bersama-sama para peserta (atas dan bawah).



untuk menderma ke Dana POCPKNBD dan sebahagiannya akan digunakan bagi membiayai program-program operasi seperti

bimbingan, latihan kerjaya serta pemulihan untuk golongan berkeperluan khas penglihatan di bawah persatuan berkenaan.

Kejohanan Badminton Kebangsaan bermula

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Seramai 356 orang pemain berentap menyertai Kejohanan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan iaitu remaja lelaki dan remaja perempuan terbuka 18 tahun ke bawah: remaja beregu lelaki dan remaja beregu perempuan terbuka 18 tahun ke bawah: perseorangan lelaki dewasa dan perempuan dewasa terbuka 19 tahun ke atas: beregu lelaki dewasa dan beregu perempuan dewasa terbuka 19 tahun ke atas serta beregu veteran lelaki dan beregu veteran perempuan.

Pada malam pertama kejohanan, sebanyak lapan perlawanan dipertandingkan iaitu empat acara beregu remaja dan empat lelaki dewasa perseorangan.

Untuk menentukan pasukan yang terbaik dari setiap pasukan perlawanan diadakan secara sistem liga kumpulan dan perlawanan seterusnya akan diadakan secara kalah mati.

Kejohanan yang bermula hari ini dijangka akan berakhir pada 12 Mac

depan dan dianjurkan oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam.

Kejohanan antara lain bertujuan untuk memilih pemain-pemain yang berpotensi untuk mewakili negara ke Kejohanan Badminton Antarabangsa Brunei 2014 yang dijadualkan akan berlangsung pada bulan November depan.



DUA pasukan beraksi menerjemahkan kelebihan masing-masing pada perlawanan malam pertama Kejohanan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Sumbangan untuk Larian Amal

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 5 Mac. - Sebanyak 300 helai baju kemeja 'T' disumbangkan oleh Syarikat Methanol Brunei (BMC) untuk para peserta Larian Amal Daerah Belait sebagai sokongan bagi acara larian tersebut.

Sumbangan tersebut diserahkan kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat, Awang Daud bin Haji Jais dan Pengurus Perkhidmatan Korporat Syarikat, Awang Saifulillah bin Haji Ahmid di Pejabat Daerah Belait, di sini.

Larian Amal Daerah Belait diadakan pada hari Ahad, 9 Mac 2014 yang bertujuan untuk menambah dana Tabung Amal Daerah Belait, di samping membantu masyarakat yang kurang bernasib baik di Daerah Belait.

Selain menyumbangkan kemeja 'T', syarikat itu juga menyampaikan sumbangan berjumlah BND10,000 untuk Tabung Amal Daerah Belait.

Larian anjuran Jabatan Daerah Belait dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait.

Turut hadir, Ketua Cawangan Belia dan Sukan Daerah Belait, Awang Haji Zulkifli bin Haji Tengah.

Jawatankuasa Penganjur Larian Amal tersebut meminta kepada para peserta untuk hadir awal dan larian tersebut dijangka bermula pukul 7.15 pagi.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman menerima sumbangan untuk Larian Amal Daerah Belait daripada Syarikat Methanol Brunei (BMC). - Foto : Ihsan Jabatan Daerah Belait

Pendaftaran Larian Hari Kebangsaan dilanjutkan hingga 13 Mac 2014

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memaklumkan bahawa tarikh tutup pendaftaran secara online bagi Larian Hari Kebangsaan 2014 adalah dilanjutkan hingga hari Khamis, 13 Mac 2014.

Manakala pembayaran pendaftaran adalah dilanjutkan hingga hari Sabtu, 15 Mac 2014 pukul 3.00 petang di keempat-empat BUAH daerah.

Pendaftaran secara online di laman sesawang JBS iaitu di alamat <http://belia.sukan.gov.bn/lariankebangsaan/index.htm> masih dibukakan kepada orang ramai yang belum membuat pendaftaran bagi larian tersebut.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, pembayaran hendaklah dibuat di Bilik Hijau, Tingkat 6, Bahagian Sukan, Bangunan

KKBS.

Manakala bagi Daerah Belait, pembayaran hendaklah dibuat di JBS Cawangan Daerah Belait; di Daerah Tutong pula pembayaran hendaklah dibuat di JBS Cawangan Daerah Tutong, sementara di Daerah Temburong pula pembayaran hendaklah dibuat di JBS Cawangan Daerah Temburong.

Penyertaan bagi larian berkenaan dibukakan kepada semua rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam serta warganegara asing.

Peserta bawah umur 17 tahun hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga masing-masing.

Yuran penyertaan adalah sebanyak BND15 setiap seorang.

Selamat berangkat tiba di Kuwait

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Masri Osman dari Bandaraya Kuwait

BANDARAYA KUWAIT, Ahad, 9 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selamat berangkat tiba bagi memulakan keberangkatan rasmi lima hari ke Kuwait.

Sejurus pesawat khas mendarat di Terminal Amiri Lapangan Terbang Antarabangsa Kuwait kira-kira pukul 2.45 petang waktu tempatan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Ketua Protokol Diwan of His Highness The Crown Prince.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Al-Mubarak Al-Hamad Al-Sabah.

Seterusnya DYTMM disembahkan oleh Ketua Protokol Diwan of His Highness The Crown Prince kepada Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Luar, TYT Sheikh Sabah Khaled Al-Hamad Al-Sabah; Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pedalaman, TYT Sheikh Mohammad Al-Khaled Al-Hamad Al-Sabah; Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TYT Leftenan Jeneral (B) Sheikh Khaled Al-Jarrah Al-Sabah; Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri, TYT Dr. Abdulmohsen Mediej Al-Mediej; Pemerintah-Pemerintah Tentera; Undersecretary of Ministry of Foreign Affairs, TYT Khalid Sulaiman Al-Jarallah; Duta Besar

Senegal ke Kuwait, selaku Dean Diplomat Asing, TYT Abdou Lahad Mbacke dan Ketua Misi Kehormat, TYT Kounselor Nasser Abdullah Mishari Al-Rawdhan, selaku Menteri Pengiring.

Kemudian Perdana Menteri Kuwait disembahkan kepada rombongan rasmi dari Negara Brunei Darussalam.

DYTMM dan Perdana Menteri Kuwait kemudian berangkat ke tempat khas bagi menerima tabik hormat disusuli dengan Lagu

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Kebangsaan Kuwait Al-Nasheed Al-Watani dimainkan oleh Pasukan Pancaragam Kawalan Amiri.

Setelah itu DYTMM dan Perdana Menteri Kuwait berangkat ke Dewan Resepsi bagi menikmati kopi Arab dan teh sebelum berangkat ke Al-Jahra 1, Istana Bayan tempat persemayaman DYTMM sepanjang keberangkatan rasmi ke Kuwait.

Mengiringi keberangkatan DYTMM semasa lawatan ini ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Negara Brunei Darussalam dan Kuwait telah menubuhkan hubungan diplomatik pada 1 Mei 1990, dan kedua buah negara telah mengembangmajukan hubungan kerjasama dalam bidang Ekonomi dan Teknikal; Perdagangan; Perkhidmatan-Perkhidmatan Udara serta Minyak dan Gas.

Sejak penubuhan diplomatik, kedua-dua negara merancang beberapa strategi untuk mengeratkan lagi hubungan dengan mengadakan pertukaran lawatan antara pemimpin, pembesar dan juga mengadakan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Al-Mubarak Al-Hamad Al-Sabah ketika berkenan mengadakan perjumpaan dua hala.

mesyuarat dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Kuwait.

Pada 13 April 2009, kedua-dua buah negara telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Kerjasama Minyak dan Gas: konvensyen bagi pengelakan cukai berganda; pencegahan fiskal modal pendapatan dan perjanjian mengenai perlindungan.

Selain itu perjanjian MoU mengenai Pihak Berkuasa Aeronautik telah dimeterai pada 9 April 2009, manakala perjanjian kerjasama ekonomi dan teknikal serta perjanjian perdagangan ditandatangani pada 25 Julai 2008.

Sementara itu pada 14 November 1994 kedua-dua buah negara menandatangani perjanjian perkhidmatan udara.

Kuwait yang mempunyai kira-kira 3.1 juta penduduk terletak

bersempadan dengan Arab Saudi di selatan dan Iraq di utara dengan keluasan 17,818 kilometer persegi.

Minyak dan gas yang menjadi hasil utama negara teluk itu sebagai negara kelima terbesar mempunyai simpanan minyak serta merupakan salah sebuah negara terkaya di dunia dengan pendapatan per kapita USD55.3 bilion.

Pada 1 hingga 4 Ogos 2010 DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga pernah mengadakan keberangkatan lawatan rasmi yang pertama ke Kuwait.

Keberangkatan rasmi DYTMM ke Kuwait setentunya akan mengukuhkan lagi hubungan mesra di antara kedua-dua buah negara serta membuka peluang-peluang kerjasama dalam pelbagai bidang bagi manfaat bersama.



DYTMM dan Perdana Menteri Kuwait ketika berangkat ke tempat khas bagi menerima tabik hormat disusuli Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Lagu Kebangsaan Kuwait dimainkan oleh Pasukan Pancaragam Kawalan Amiri.

PPPBD sokong usaha Kerajaan tingkatkan pembelajaran belia

Daari muka 1

"Ini jelas menampakkan betapa Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil berat akan kepentingan

pendidikan dalam semua aspek ke arah membangun dan memajukan negara ini seiring dengan matlamat Wawasan 2035," sabda YTM.

Alhamdulillah, sabda YTM, berkat pandangan jauh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, anak-anak Brunei pada masa ini mempunyai peluang luas untuk melanjutkan pendidikan mereka di semua peringkat, baik di dalam mahupun di luar negeri, melalui skim-skim biasiswa yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) semasa berkenan mengurniakan sabda di Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia 2014 PPPBD.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke negara Kuwait bagi Lawatan Rasmi selama lima hari.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke negara Kuwait bagi Lawatan Rasmi selama lima hari.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Berada di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha-Setiausaha Tetap JPM, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta Kementerian Pendidikan.

'KUKUHKAN KEIMANAN BAGI MEREALISASIKAN HUKUM KANUN JENAYAH SYAR'IAH'

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.